

Bil. 3

**Khamis
26 Mac 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Ruangan 1)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 16)
USUL:	
Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. - <i>Y.B. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)</i>	(Ruangan 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

- " Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- " Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad,
P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P.,
S.P.D.K. (Keningau)

- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.
(Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.
(Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P.,
P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

Yang Berhormat Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K.
J.P. (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Salamat
	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Puan Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Puan Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26 Mac 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang diberhentikan selama satu hari iaitu pada hari Isnin, 6 April 1998. Pemberhentian ini dibuat berikutan Hari Raya Korban yang jatuh pada hari Selasa, 7 April 1998.

Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Selasa, 12 Mei 1998 dan hari Rabu, 13 Mei 1998 bagi memberi masa yang secukupnya kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang akan dikemukakan oleh kerajaan mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Aturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA**

1. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sudahkah tokoh-tokoh penting wanita dalam bidang akademik, profesion, pentadbiran, korporat, politik dan aktivis masyarakat seluruh tanah air dihipunkan di dalam suatu simposium bagi memastikan sokongan mereka diperolehi bagi menjaya Pelan Tindakan Wanita.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Yang Berhormat dari Kota Bharu pada 2 April dan 6 April kerana soalan-soalannya berkaitan dan boleh dijawab serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sejak Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang sedang dalam proses penyediaan lagi, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil tindakan menggembelng tenaga semua mereka yang terbabit iaitu pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta, aktivis masyarakat dan orang perseorangan melalui beberapa sesi percambahan fikiran (brain-storming) dan bengkel khas bagi mendapatkan pandangan-pandangan dan buah fikiran terutamanya di dalam mengenal pasti bidang-bidang keutamaan serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang akan melaksanakan tindakan-tindakan yang terkandung dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Hasil perbincangan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh mereka yang terlibat kemudiannya dibincang dan dianalisa oleh beberapa pihak lain seperti Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan dan agensi-agensi lain yang mempunyai kepakaran dan kepentingan dalam bidang pembangunan wanita.

Selanjutnya selepas pelan diluluskan, Jabatan Hal Ehwal Wanita dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang terlibat termasuk NGO telah menjalankan pelbagai aktiviti termasuklah seminar, bengkel dan brain-storming session, dengan izin, baik secara formal atau tidak formal dari masa ke semasa dan juga yang berjadual bagi menentukan segala tindakan yang terkandung dalam pelan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di samping itu, kementerian telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Antara Kementerian untuk memastikan pelan tindakan ini dilaksanakan seperti yang dirancang.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sedang merancang siri perbincangan dengan semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan mengikut sektor dan bidang tumpuan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita itu. Sebagai contoh, modul latihan berbentuk 'gender sensitization' telah direka khas bertujuan meningkatkan kepekaan semua pihak yang terlibat dengan pembangunan wanita khususnya pegawai-pegawai tinggi kerajaan, pembuat dasar dan perancang. Latihan 'gender sensitization' telah berjaya mengumpulkan mereka yang terlibat dengan perancangan dan pembuat keputusan dari semua peringkat termasuklah di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Melalui aktiviti tersebut, peserta-peserta didedahkan dengan pelbagai isu mengenai wanita dan pembangunan dan diberikan kesempatan bertukar-tukar pandangan dan pendapat bagi menyokong melaksanakan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan publisiti mengenai Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, ceramah mengenai bidang-bidang tumpuan pelan ini telah juga diberikan dari masa ke semasa melalui televisyen, radio dan media cetak, khususnya semasa perayaan tahunan Hari Wanita dan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana sahaja saya berpeluang untuk berucap telah menjelaskan perkara-perkara yang sama dalam Pelan Tindakan.

Pada masa ini kementerian sedang dalam proses menyediakan dokumentasi televisyen bersiri mengenai pengintegrasian wanita dalam pembangunan dengan memberikan penekanan ke atas semua aspek yang berkaitan dengan pembangunan wanita seperti Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, kedudukan wanita, arah tuju dan masa depan wanita Malaysia.

Di samping itu, Pusat Sumber Maklumat Wanita di Jabatan Hal Ehwal Wanita, misalnya, telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat mengenai wanita kepada semua pihak terutamanya melalui *Beritanita* yang dikeluarkan empat kali setahun. Hasil kajian-kajian dan maklumat mengenai wanita juga terdapat di pusat sumber ini dan pegawai-pegawai bertanggungjawab bersedia memberikan maklumat terkini apabila diperlukan oleh mana-mana pihak. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menggemblengkan tenaga yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memartabatkan wanita. Semoga dengan kerjasama daripada semua pihak, wanita yang merupakan aset penting negara akan dapat dibangunkan dan sekali gus dapat membantu merealisasikan wawasan negara iaitu mewujudkan negara Malaysia yang mantap dari segi pembangunan ekonomi, sosio budaya dan kemanusiaan.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri di atas usaha-usaha yang telah dijalankan berkaitan dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Saya tertarik dengan modul gender sensitization tadi dan saya berharap pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri akan memastikan kementerian-kementerian, agensi-agensi dan badan kerajaan menjalankan hasrat pelan tindakan itu dengan menghasilkan, dari segi pengisian lembaga-lembaga, majlis-majlis di bawah kementerian-kementerian termasuklah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sehingga kini zero representation dari segi representasi wanita dan di majlis-majlis lain - majlis daerah, majlis perbandaran juga sangat kurang, Tuan Yang di-Pertua, di bawah 30%, ada yang 5% ada 10%, jadi kalau kita kata usaha dilakukan tetapi hasilnya tidak seberapa, saya rasa itu tidaklah sesuatu yang kita harus rasa bangga.

Jadi, saya mohonlah kepada Yang Berhormat Menteri apakah Yang Berhormat Menteri sendiri akan memainkan peranan utama di dalam memastikan pelan ini benar-benar dilaksana oleh semua pihak.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Bharu yang begitu prihatin sekali mengenai isu-isu dan hal ehwal wanita terutama dalam Dewan Rakyat ini dan saya yakin dengan keprihatinan semua pihak, kita akan dapat menjalankan usaha-usaha kita ini dan meningkatkan peningkatan wanita dalam pembangunan negara dan juga dalam membuat dasar. Saya masih berpegang dan bertanggungjawab kepada keputusan yang telah dibuat oleh Menteri-menteri Hal Ehwal Wanita Komanwel di Trinidad dahulu yang menetapkan matlamat iaitu 30% penyertaan wanita dalam membuat dasar pada tahun 2005. Kita tidak jauh lagi, insya-Allah, dan semua agensi di bawah kementerian, NACIWD misalnya sudah pun mengambil tindakan-tindakan mengingatkan pihak-pihak yang membuat pelantikan-pelantikan ahli-ahli dalam majlis-majlis dan saya sendiri juga berbuat demikian. Memang saya pun merasa kesal juga kerana ada zero percent dan tidak pernah sampai 10% pun rasa saya, paling-paling tinggi 7% tetapi di kebanyakannya mungkin 1%, 2% sahaja dan we have a long way to go, dengan izin. Terima kasih.

PENYAKIT KOLERA - PUNCA

2. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan baru-baru ini negara kita dilanda penyakit kolera. Apakah puncanya dan negeri manakah di Malaysia yang paling serius mengalami masalah ini dan:-

- (a) berapakah bilangan pesakit yang telah meninggal dunia; dan
- (b) adakah orang yang didapati menyebabkan berlakunya penyakit taun disaman di mahkamah oleh Kementerian Kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1997, sejumlah 391 kes kolera telah dilaporkan dari beberapa negeri di negara ini. Selepas siasatan terperinci yang dijalankan, didapati bahawa puncanya adalah bahan makanan atau minuman yang telah dicemar oleh kuman kolera. Negeri Sabah telah melaporkan kes yang terbanyak sekali di kalangan negeri-negeri lain.

- (a) Seramai 6 orang telah meninggal dunia akibat penyakit ini; dan
- (b) Tidak ada orang yang disaman di mahkamah tetapi beberapa premis yang tidak sanitari telah diarah tutup bersabit dengan kejadian penyakit kolera.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini penyakit kolera dan juga penyakit tibi (tuberculosis) pun juga terdapat di negara kita. Maka, saya ingin tahu adakah keadaan alam sekitar di negara kita ini terlalu kotor atau bahaya? Apakah komen dan nasihat Timbalan Menteri kepada orang ramai untuk mengelakkan dari dijangkiti oleh penyakit-penyakit tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, keadaan jangkitan berasaskan kepada bawaan air dan makanan ini memanglah berlaku di keadaan yang dianggap 'high risk' iaitu apabila tempat-tempat yang berkenaan berlaku kurang air ataupun kurang amalan kebersihan yang dijalankan oleh mereka yang mengendalikan makanan ataupun banyak berlaku keluar masuk pendatang-pendatang terutamanya kalau di negeri Sabah, banyak berlaku kes ini kerana di kawasan pesisiran seperti di Tawau, Semporna dan sebagainya selalu berlaku pembawa penyakit-penyakit ini. Jadi, ini bermakna bahawa dalam keadaan tertentu kita kena memastikan supaya amalan kebersihan ini harus dijadikan sebagai satu tabiat yang harus diamalkan oleh semua pihak di samping kita mengambil tindakan-tindakan yang berkesan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini wabak taun telah berlaku di negeri Thailand dan ramai rombongan pelancong dari negeri China dan Hong Kong telah beralih ke Malaysia. Saya ingin tahu apakah kerajaan mendapat maklumat berkenaan wabak taun ini di Thailand dan langkah-langkah pencegahan diambil untuk mencegah wabak taun ini memasuki Malaysia?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Seperti yang kita tahu, setakat ini penyakit taun berlaku di lokaliti-lokaliti yang terhad sahaja dan tidak merebak di kawasan-kawasan yang lain tetapi kalau pun ia berlaku, ia boleh dikawal dalam masa yang singkat, bermakna ia tidak serius. Jadi, kalau tidak ada di tempat-tempat seperti di sempadan kita antara Thailand itu, bermakna kita boleh mengawal keadaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said.

[Soalan No. 3 - Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said (Kuala Nerus) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Marinking.

[Soalan No. 4 - Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran) tidak hadir]

INTERNET - LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN PELANGGAN

5. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah pihak kementerian untuk mengatasi situasi pengurangan jumlah pelanggan perkhidmatan langganan internet, sama ada menerusi perkhidmatan Jaring atau TmNet atas alasan perkhidmatan akses yang sering tergendala kurang memuaskan serta kadar caj akses yang agak tinggi yang dikenakan oleh pihak Telekom, terutamanya di kalangan pengguna persendirian, kerana ini akan memberikan kesan kepada hasrat dan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dan berteknologi canggih masa depan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini MIMOS dan Telekom Malaysia telah diberi lesen untuk membekalkan perkhidmatan Internet di Malaysia. Setakat ini sebanyak 250,000 pelanggan telah berdaftar untuk menggunakan Jaring yang dikendalikan oleh MIMOS dan TmNet oleh Telekom Malaysia. Sebagai bandingan jumlah pelanggan pada akhir tahun 1996 adalah 63,945 dan akhir tahun 1997 adalah 205,103 orang. TmNet bertujuan mencapai sasaran pelanggan sebanyak 700,000 dan Jaring 500,000 menjelang tahun 2000.

Kadar caj akses Internet yang dikenakan sekarang iaitu 1 sen seminit bagi perseorangan/pelajar/sekolah dan institusi pengajian tinggi dan 2.5 sen seminit bagi organisasi adalah difikirkan masih berpatutan dan setanding dengan kadar akses perkhidmatan Internet di negara-negara lain. Berikut adalah perbandingan kadar/akses bagi setiap satu jam penggunaan perkhidmatan Internet bagi Malaysia dan negara-negara lain.

<u>Negara</u>	<u>Perseorangan</u>	<u>Organisasi</u>
Malaysia	RM 0.60	RM 1.50
Australia	RM 3.61	RM 3.61
Hong Kong	RM 1.65	RM 2.37
Tunisia	RM 4.61	RM 5.42
Filipina	RM 3.50	RM 5.56
Thailand	RM 1.32	RM 4.80

Singapura	RM 2.29	RM 2.29
Jepun	RM 5.88	RM 5.88

Walau bagaimanapun, memang disedari bahawa kualiti perkhidmatan yang disediakan belum mencapai tahap yang dihasratkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Selain talian telefon, akses kepada Internet adalah bergantung kepada konfigurasi komputer pelanggan, kualiti peralatan modem, rangkaian telekomunikasi Internet dalam dan luar negara dan peralatan server Internet secara global.

Di pihak Telekom Malaysia dan MIMOS, usaha-usaha terus diambil untuk menambah keupayaan infrastruktur Internet dalam negara bagi mengatasi gangguan akses yang berlaku. Antara lain, pihak MIMOS dan Telekom Malaysia telah memasang talian T3, dengan izin, dengan kelajuan 45 Megabits sesaat. Dengan talian sedia ada jumlah 'bandwidth' bagi sambungan antarabangsa adalah 105 Megabits dan kelajuan tulang belakang rangkaian Internet Kebangsaan boleh mencapai tahap 34 Megabits setiap saat iaitu bergantung kepada lokasi.

Di pihak kerajaan pula, keputusan telah dibuat baru-baru ini membenarkan pengusaha rangkaian telekomunikasi tetap seperti Celcom, Mutiara, Time Telekom dan Binariang untuk membekalkan perkhidmatan Internet mulai bulan Jun tahun ini. Ini bertujuan memberi peluang kepada pelanggan-pelanggan, pengusaha-pengusaha tersebut terus melanggan perkhidmatan Internet. Dalam pada itu, pengguna-pengguna secara amnya diberi pilihan-pilihan baru untuk melanggan dengan mana-mana syarikat pembekal perkhidmatan Internet yang menjadi pilihan mereka. Dengan cara ini, pasaran yang lebih bersaing akan wujud dan dapat menjamin peningkatan kualiti perkhidmatan untuk kepentingan pelanggan. Secara langsung, ianya juga dapat memenuhi hasrat menyumbang kepada matlamat untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dan berteknologi tinggi di masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai sungutan yang begitu berleluasa mengenai perkhidmatan TmNet. Bukan sahaja tahap perkhidmatan tidak sampai apa yang diperlukan tetapi kemerosotan yang tidak patut berlaku, sebagai contoh, di mana E-Mail-E-Mail hilang, E-Mail dihantar ke alamat orang lain. Ini bukannya semacam pos, sampai kepada orang yang tidak dikehendaki, bukan sahaja satu pelanggaran privacy. Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada satu sistem yang sepatutnya ada dan apakah tindakan diambil oleh Jabatan Telekom sebagai satu badan yang bertanggungjawab supaya semua ISP boleh memberi satu tahap perkhidmatan yang seminimumnya, ini bukan minimum, ini kemerosotan dan apa tindakan diambil supaya mengatasi masalah ini dan kedua, bolehkah tindakan diambil supaya ISP bertanggungjawab kepada perkhidmatan kalau ada semacam E-Mail hilang secara besar-besaran bahawa perlu ganti rugi kepada semua pelanggan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, kementerian memang sedar ada kekurangan dalam perkhidmatan yang dibekalkan oleh ISP khususnya TmNet khususnya dalam masa peak hours, antara pukul 11.00 malam hingga pukul 1.00 pagi - merupakan peak hours di mana telah dicatatkan sebanyak 7,000 orang pengguna masuk pada satu masa. Ini menjadi masalah, kita memang sedar tetapi off peak hours ini kurang berlaku. Misalnya, tengah malam, kalau lepas pukul 1.00 pagi. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Telekom Malaysia selaku pengawal selia telah pun memanggil dan berjumpa dengan pihak-pihak ISP iaitu Telekom Malaysia dan juga MIMOS supaya merangkakan langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengatasi keadaan yang tidak memuaskan hati ini.

Antaranya Telekom Malaysia telah memberikan jaminan dan mengemukakan satu rancangan untuk meningkatkan infrastruktur mereka termasuk, misal kata mereka sedang berusaha untuk menambahkan kapasiti untuk menampung sehingga 400,000 pelanggan. Antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk memenuhi hasrat ini termasuk:

- (i) meningkatkan kapasiti komputer untuk menampung sehingga 400,000 pada akhir bulan Ogos tahun ini;
- (ii) meningkatkan kapasiti litar antarabangsa dari 83 Megabit sesaat kepada 94 Megabits sesaat pada akhir bulan September tahun ini;
- (iii) meningkatkan keupayaan modem Telekom Malaysia daripada 19,020 kepada 30,000 modem untuk menampung 400,000 pelanggan pada November tahun ini; dan akhir sekali
- (iv) meningkatkan kapasiti litar domestik dari 36 Megabit sesaat kepada 100 Megabit sesaat pada akhir bulan Ogos ini.

Dengan langkah-langkah yang dirancang dan akan dilakukan kemudian, pihak kementerian akan meninjau tentang kemajuan dan perkembangan selepas ini. Tentang ganti rugi kepada kehilangan E-Mail, buat masa ini pihak kerajaan tidak ada cadangan untuk membayar ganti rugi kepada mereka.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada taklimat yang diberi oleh Pengerusi Microsoft Bill Gates kepada Kabinet saya hendak tanya sama ada kerajaan akan mengubah jadual atau rancangan atau sistem Electronic Government berlanjutan daripada taklimat ini kerana E-Mail dan Internet merupakan satu sistem yang utama dalam Electronic Government.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan akan meneruskan dengan rancangan yang sudah dirancang dalam pelaksanaan Electronic Government.

AKTA STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 - HAD BIDANG KUASA

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kawasan dan lingkungan yang kementerian ada hak menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Bukankah kebanyakan tapak-tapak pembinaan adalah di kawasan Majlis Perbandaran, Majlis Bandaran dan Wilayah Persekutuan. Adakah kuasa kementerian dihadkan kepada kepada hutan, kampung atau kawasan luar bandar sahaja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 adalah sebuah akta untuk menetapkan standard-standard minimum perumahan dan kemudahan yang harus dipatuhi oleh pihak majikan yang ada membina kediaman untuk pekerja-pekerja bagi semua jenis tempat pekerjaan. Akta ini adalah terpakai kepada semua kawasan kecuali kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa majlis perbandaran, majlis bandaraya dan bandaraya. Namun begitu, pihak-pihak berkuasa tempatan berkenaan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam menangani isu-isu perumahan dan kemudahan pekerja di kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa masing-masing. Ini kerana Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan akta lain yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saling lengkap melengkapi (complement each other) untuk memberi perlindungan terbaik kepada pekerja-pekerja dan juga memberi panduan kepada majikan mengenai aspek-aspek perumahan pekerja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah ini kerana saya ada membuat satu pengaduan kepada Pejabat Kementerian Sumber Manusia di Pulau Pinang dan pengarahnya membalas surat saya mengatakan mereka tidak ada hak bertindak di kawasan mana-mana di bawah jagaan majlis perbandaran, majlis daerah atau Wilayah Persekutuan. Jadi, ini bermakna Kementerian Sumber

Manusia langsung tiada kuasa di tempat-tempat ini dan kebanyakan tapak-tapak pembinaan dan tapak-tapak kemajuan adalah di kawasan bandar. Apa gunanya mengadakan satu kementerian di mana beliau tiada kuasa langsung dalam kawasan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya. Jadi, saya mintalah kementerian supaya boleh menjalankan tugas mereka walaupun di kawasan-kawasan sedemikian.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu majikan memang mempunyai ratusan ribu, dululah, rumah-rumah di ladang-ladang dan di kawasan-kawasan perlombongan timah dulu. Jadi, di tempat-tempat di luar bandar bukan bermakna tidak ada perumahan, memang ada banyak perumahan lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak boleh dikatakan hampir kesemua tempat di luar bandar itu ada perumahan dan semua perumahan ini memang kita pastikan supaya mereka mematuhi minimum standard. Memang ada sedikit percanggahan - overlapping kuasa di kawasan bandar itu tetapi di kawasan bandar, majikan yang memberi perumahan kepada pekerja memanglah sedikit berbanding dengan yang di luar bandar kecuali di tempat-tempat pembinaan di mana rumah-rumah itu adalah rumah-rumah sementara. Namun demikian, sungguhpun Pejabat Buruh tidak mempunyai kuasa secara langsung untuk mengawasi standard perumahan di kawasan bandar, sudah tentu mereka ada sedikit sebanyak pengaruh di atas pihak berkuasa tempatan untuk memperbetulkan keadaan. Insya-Allah, saya akan memberitahu jabatan itu supaya mereka menghubungi pihak berkuasa tempatan untuk membetulkan keadaan tersebut.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar walaupun sejak akta ini telah diimplementasikan, di ladang-ladang terutamanya, nampaknya sehingga hari ini peruntukan-peruntukan akta ini tidak diimplementasikan di ladang-ladang, walhal ini berlarutan di tempat-tempat kawasan luar bandar dan apakah tindakan yang sedang diambil supaya lebih bermakna dan efektif dapat diberi kepada akta ini supaya tindakan yang tegas dapat diambil dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan kepada undang-undang sepanjang masa dilaksanakan - sepanjang masa cuma kadangkalanya pada ketika ini ada tempat-tempat tertentu di mana pekerja-pekerja lebih suka kalau majikan itu membina rumah untuk dijual kepada mereka, bukan hanya tinggal untuk sementara waktu dan selepas itu apabila mereka bersara, maka mereka tidak ada rumah. Mereka lebih berminat untuk majikan dipaksa untuk membina rumah untuk dijual kepada mereka dengan harga yang sederhana. Ini pun satu aspek yang pihak kementerian sedang mengkaji dan cuba melaksanakan. Kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai kes-kes yang spesifik di mana undang-undang ini tidak dilaksanakan bolehlah beritahu kami dan kami akan mengambil tindakan serta-merta.

APPROVED PERMIT' - PEMBEKUAN

7. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) sama ada benar bahawa masa depan "Approved Permit" untuk mengimport kereta akan terbatas atau dihapus sama sekali, sama ada oleh kerana pembubaran dasar negara kerana perjanjian WTO atau pengeluarannya dibeku sama sekali untuk kepentingan pengeluaran kereta tempatan. Jikalau benar bila, jikalau tidak mengapa; dan

- (b) bagaimanakah penerimaan pengusaha penjual kereta terpakai bumiputera yang mempunyai AP atas cadangan kementerian supaya mempelbagaikan usaha mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selaras dengan komitmen negara di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), kawalan bukan tarif seperti AP bagi kenderaan 'Completely Built Up Units (CBU), dengan izin, tidak boleh berterusan. Di samping itu, di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (AFTA) perdagangan kenderaan akan diliberalisasikan mulai tahun 2000;
- (b) Penerimaan oleh penjual kereta terpakai bumiputera untuk mempelbagaikan usaha mereka adalah positif. Di antara bidang-bidang berkaitan yang telah dan akan diceburi adalah:
- (i) menubuhkan rangkaian perkhidmatan baik pulih dan penyelenggaraan kereta yang diimport, termasuk pembekalan alat ganti dan aksesori kenderaan yang diniagakan;
 - (ii) menceburi bidang pengedaran kereta keluaran tempatan;
 - (iii) Memegang francais untuk jenama-jenama kereta keluaran luar negeri;

Di samping itu terdapat juga pengusaha-pengusaha berkenaan mempelbagaikan bidang-bidang perniagaan mereka seperti menceburi bidang perkilangan, hartanah, perkhidmatan teksi dan limousin, pengedaran gas dan perladangan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang apa yang berlaku di Kuching, sebagai satu kayu sukatan, ternyata sekali pertolongan kerajaan selama lebih 10 tahun kepada pemegang AP ini adalah satu perkara yang tidak berjaya langsung kerana tidak ada satu pun syarikat bumiputera - maaf, ada dua sahaja yang saya tahu iaitu Abadi Motor dan Mega Motor yang berjaya, yang lebih 20 lagi tidak ada pun.

Jadi, persoalannya dalam masa empat tahun daripada sekarang hingga tahun 2000, bolehkah kerajaan mengambil satu langkah yang tegas supaya mereka ini menjual kereta itu sendiri, jangan suruh orang lain jual - dapat puluh ribu satu kereta sudah cukup.

Jadi, kalau tidak maknanya usaha kerajaan untuk membangunkan masyarakat bumiputera terlibat dalam penjualan kereta ini akan gagal apabila sampai tahun 2000 nanti.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, setakat mana maju ataupun tidak majunya sesebuah syarikat terpulang kepada pengurusan syarikat tersebut. Jadi, maknanya walaupun kita di peringkat kerajaan ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberikan kuota-kuota tersebut dengan tujuan untuk memastikan agar peniaga-peniaga ataupun syarikat-syarikat bumiputera ini dapat maju di dalam bidang diceburi tetapi jikalau mereka ini tidak maju - daripada beberapa puluh yang ada, hanya dua sahaja yang maju, saya rasa kementerian tidak dapat membuat apa-apa jua perkara oleh kerana ini terpulang kepada pengurusan.

Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat-syarikat tersebut inginkan bantuan pihak kementerian dari segi menceburi bidang-bidang yang lain, saya rasa kementerian boleh memberikan bantuan yang sewajarnya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas, kerajaan telah mengumumkan bahawa pelajar-pelajar di luar negara atau di seberang laut, tidak dibenarkan peruntukan AP lagi. Apakah keadaannya sekarang, sama ada AP ini masih boleh diperuntukkan kepada pelajar-pelajar di seberang laut apabila mereka balik untuk bawa balik kereta mereka?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun jawab berkenaan dengan perkara ini yang telah dibangkitkan di dalam sesi Parlimen yang lalu semasa kita membahaskan berkenaan dengan Belanjawan Negara dalam sesi Parlimen yang dulu. Ada beberapa syarat di mana seseorang penuntut ataupun seseorang yang bekerja di luar negeri boleh membawa kereta masing-masing balik ke negara Malaysia tetapi perkara ini sejak akhir-akhir ini tidak dibawa - bukan hanya oleh kerana AP tidak lagi kita keluarkan tetapi duti yang dikenakan begitu tinggi dan oleh kerana kenaikan dari segi Pound, khususnya mereka yang membeli kereta di London, oleh kerana Pound naik dengan begitu mendadak, maka tidak ada cost effectiveness untuk membawa pulang kereta-kereta tersebut.

TRAGEDI KEMATIAN KETUA EKSEKUTIF PROTON

8. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersedia menyiasat sumber maklumat yang menyatakan bahawa tragedi kematian Ketua Eksekutif Proton adalah merupakan tindak balas mafia Itali ekoran penguasaan syarikat pengeluar kereta Lotus oleh Proton.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, siasatan ke atas kemalangan helikopter Agusta A109E Power di Kampung Sungai Damak, Benta, Kuala Lipis, Pahang yang turut mengorbankan nyawa Ketua Ekskutif Proton pada 4 Mac 1997 mendapati bahawa punca kemalangan tersebut lebih tertumpu kepada perkara teknikal yang dihadapi oleh helikopter berkenaan dan tiada maklumat serta bukti yang dapat mengesahkan dakwaan bahawa kumpulan mafia Itali terlibat dalam tragedi ini.

BINATANG TERNAKAN BERKELIARAN - MENGGUBAL UNDANG-UNDANG

9. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) adakah kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang bagi mengatasi masalah binatang ternakan yang berkeliaran dan memusnahkan tanaman para petani; dan
- (b) bagaimanakah kementerian berusaha untuk mengatasi masalah ketidakstabilan harga keluaran pertanian akibat dari ketidakstabilan penawaran dan permintaan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian belum ada cadangan menggubal undang-undang khusus untuk mengawal masalah ternakan yang berkeliaran. Walau bagaimanapun, enakmen negeri dan kerajaan tempatan sudah pun berkuatkuasa untuk membantu mengurangkan masalah ternakan yang berkeliaran khususnya di kawasan bandar;
- (b) Bidang pertanian adalah satu bidang yang banyak bergantung kepada faktor-faktor luaran yang sukar dikawal seperti serangan penyakit, perubahan cuaca dan tanaman yang bermusim. Keadaan ini menyumbang kepada ketidakstabilan penawaran dan permintaan. Masalah ketidakstabilan harga produk-produk pertanian juga

merupakan satu cabaran yang mana kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya. Antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk menstabilkan penawaran dan permintaan dan seterusnya harga termasuk:

- (i) menambahkan lebih banyak saluran pemasaran seperti pasar tani, jualan terus dan pertanian kontrak bagi memastikan keluaran pertanian dapat dipasarkan dengan harga yang berpatutan kepada petani dan pengguna;
- (ii) mengadakan infrastruktur pemasaran dengan penambahan pusat-pusat pengumpulan, kemudahan-kemudahan pembungkusan, pusat jualan dan pasar borong di tempat pengeluaran makanan bagi mengurangkan masa dan kos transaksi serta pembaziran lepas tuai;
- (iii) membina rangkaian bilik sejuk di tempat-tempat strategik di seluruh negara untuk menyimpan stok pengeluaran tempatan untuk mengatasi kekurangan bekalan di musim-musim tertentu;
- (iv) membenarkan import bekalan makanan daripada sumber pembekal luar negeri yang lebih murah; dan
- (v) untuk komoditi ternakan, khususnya pengeluaran ayam daging, Kementerian Pertanian memantau pengeluaran mingguan. Maklumat ini disampaikan kepada pengeluar-pengeluar agar mereka dapat menganalisis sendiri kedudukan bekalan dan permintaan serta menguruskan pengeluaran agar lebih seimbang.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan binatang ternakan yang berkeliaran. Sebenarnya binatang ternakan yang berkeliaran bukannya 'ternakan', mungkin itu ternakan secara tradisional. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, apakah usaha-usaha yang mungkin dapat diusahakan oleh Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Veterinar untuk mempertingkatkan mutu ternakan di kalangan penternak-penternak kecil kita, di mana pengurusan moden ternakan disempurnakan dan keluasan tapak ataupun tanah bukan menjadi halangan, tetapi lebih memfokuskan kepada penjagaan yang rapi kepada ternakan khususnya lembu, kambing dan juga unggas sebagai bahan makanan kita.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang mempunyai pandangan yang agak jauh mengenai kemajuan serta usaha untuk memajukan penternak-penternak. Memang betul sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat mengatakan, ternakan yang berkeliaran itu bukan 'ternakan', ia merupakan kegiatan tradisional yang tidak bertanggungjawab, tetapi apa yang kementerian lakukan menerusi Jabatan Veterinar ini ialah memberi pendidikan kepada penternak-penternak supaya mereka lebih berilmu dan mempunyai teknologi-teknologi penternakan yang moden.

Saya memang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat yang menyatakan kawasan bukan merupakan satu perkara penting kerana di zaman moden ini, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, empat ekar tanah boleh menternak 2,000 ekor lembu. Jadi, ini bermakna apa yang penting ialah ilmu dan teknologi itu.

Sebagaimana yang saya sebut semalam, rata-rata penternak kita ialah mempunyai pencapaian akademik yang amat rendah, yang agak sukar bagi kita hendak transfer technology ini. Walau bagaimanapun, kita harap generasi yang ada sekarang dengan kegawatan ekonomi yang ada ini, insya-Allah, penternak-penternak

moden yang mempunyai kepakaran dan kemahuan yang agak tinggi akan dapat kita latih menerusi Jabatan Veterinar.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada memusnahkan tanaman para petani, binatang seperti lembu ada juga memasuki kawasan Lebuhraya Utara-Selatan, keadaan ini memang menjejaskan keselamatan jalan raya. Saya ingin bertanya apakah undang-undang yang sedia ada untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lumut. Undang-undang yang kita ada ini ialah di bawah Undang-undang Keluaran, tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi ianya hanya ada di kawasan bandar. Jadi, lebuhraya adalah termasuk di bawah kawalan PLUS ataupun di bawah mana-mana syarikat swasta yang diberikan kontrak untuk lebuhraya. Oleh itu, kementerian saya tidak ada apa-apa tanggungjawab di bawah lebuhraya.

KOTAK HITAM/'SPEED LIMIT INDICATOR' – PENGUATKUASAAN PEMASANGAN

10. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapa kementerian tidak menguatkuasakan pemasangan Kotak Hitam/'Speed Limit Indicator' di bas ekspres dan lori sebagaimana arahan menteri pada tahun 1997; dan
- (b) apakah JPJ bercadang meminda kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM) terutamanya peraturan lesen PSV dan GDL, jika ada apakah ciri-ciri keselamatan dan pemanduan berhemat yang ditekankan, bila ianya dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang dikemukakan ialah seperti berikut:

- (a) keputusan kerajaan mengenai pemasangan kotak hitam hanyalah kepada semua bas ekspres, bas persiaran dan setakat ini tidak melibatkan lori. Bagi pemasangan kotak hitam ke atas bas ekspres dan persiaran, ianya tidak dilaksanakan pada tahun 1997 disebabkan pelaksanaannya memerlukan perancangan yang rapi sama ada bagi pihak kerajaan seperti menyediakan kaedah yang baru dan bagi pihak syarikat pula merancang pusat-pusat bagi pemasangan alat tersebut. Di samping itu penjelasan perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha bas yang terlibat berhubung dengan kaedah baru tersebut dan mengenai alat yang bakal dipasang di bas-bas kepunyaan mereka.

Memandangkan pemasangan alat ini akan menambah kos kepada pengusaha-pengusaha bas, kerajaan juga telah menimbang dan memberi kelonggaran kepada pengusaha-pengusaha bas untuk memasang alat tersebut secara berperingkat-peringkat. Ini terutamanya semasa negara mengalami kegawatan ekonomi.

Walau bagaimanapun memandangkan kaedah pemasangan alat tersebut telah pun diwartakan, maka penguatkuasaan kaedah tersebut akan dimulakan pada 1 September, 1998.

- (b) JPJ sememangnya telah pun mengemaskini Kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM). Ini termasuklah kurikulum yang melibatkan lesen pemandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV) dan kenderaan barangan (GDL). Ciri-ciri keselamatan dan pemanduan berhemat yang ditekankan dalam kurikulum baru yang melibatkan lesen PSV dan GDL ialah seperti penyelenggaraan kenderaan; pengurusan stress; faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan dan cara mengelakkan kemalangan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kurikulum baru ini akan dilaksanakan dengan sepenuhnya pada bulan Mei 1998.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 1997, apabila sambutan perayaan berkembar berlaku begitu membimbangkan, keluarlah satu arahan supaya penguatkuasaan pemasangan kotak hitam dibuat, tahun 1998 pun begitu juga, arahan baru dikeluarkan. Jadi, nampaknya kementerian tidak begitu yakin dengan arahan yang dikeluarkan sendiri, mungkin kerana tekanan yang diberikan oleh Persatuan Bas-bas Persiaran dan Bas-bas Ekspres sebagaimana yang kita dengar. Oleh kerana tekanan inilah, adakah kemungkinannya pemasangan dan penguatkuasaan kotak hitam ataupun speed limit indicator ini tidak dikuatkuasakan.

Saya ingin tahu adakah sebenarnya kementerian telah berbincang dengan pihak pengusaha bas ekspres ataupun Persatuan Bas Ekspres dan Persiaran mengenai kepentingan pemasangan kotak hitam ini yang boleh merakamkan segala seribu satu macam perlakuan dan tabiat pemandu juga bas berkenaan, memandangkan kepentingan pemasangan kotak hitam ini kepada keselamatan penumpang, maka sepatutnya arahan ini dikuatkuasakan.

Saya ingin tahu mengapa kementerian terpaksa mengangkat tangan kepada persatuan-persatuan yang sentiasa memikirkan keuntungan, tetapi tidak pada keselamatan penumpang?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak 'angkat tangan'. Seperti yang saya jelaskan sebentar tadi bahawa walaupun kita telah memutuskan pada tahun 1997 kotak hitam ini boleh disediakan ataupun boleh dilaksanakan penguatkuasaannya, tetapi kementerian perlu menyediakan kaedah yang baru dan penyediaan kaedah ini juga telah memakan masa.

Yang kedua, syarikat yang telah pun diberi hak untuk memasang kotak hitam ini perlu merancang pusat-pusat bagi pemasangan tersebut, ketika itu didapati mereka terpaksa menjalankan beberapa percubaan, kerana beberapa percubaan yang awal didapati kurang berkesan oleh kerana kenderaan-kenderaan yang dicuba iaitu kenderaan kerajaan, didapati mempunyai banyak jenama atau banyak model kenderaan. Oleh kerana itu mereka terpaksa mengubahsuai kotak hitam ini supaya dipasang di kesemua jenis kenderaan kerajaan yang ada. Kerana itulah maka syarikat ini memerlukan masa sedikit sehingga semua cara pemasangan ini selesai dan juga mereka terpaksa merancang pusat bagi memudahkan seperti bas di Johor boleh dipasang di Johor dan bas di Perlis boleh di Perlis ataupun bas di Negeri Sembilan boleh dipasang di Negeri Sembilan. Jadi sebab itulah mereka memerlukan masa dan akhirnya semua kenderaan kerajaan telah pun dapat dipasang dan sekarang ini barulah mereka pula dapat masuk kepada pemasangan di bas ekspres dan bas persiaran.

Kelambatan pelaksanaan pemasangan ini juga memberi ruang kepada syarikat-syarikat untuk menyediakan duit yang cukup untuk memasang kesemua bas ekspres di seluruh negara yang dianggarkan sebanyak 4,102, manakala bas persiaran 4,068. Satu kotak hitam berharga RM1,000 dan ciri-cirinya memang tahan, seperti Yang Berhormat sebut, ianya tidak boleh di'tamper' ataupun tidak boleh diganggu. Jika diganggu sahaja terus direkodkan dan ia juga memberi ruang kepada syarikat

ataupun JPJ dan polis untuk mengesan berapa kali kelajuan dilakukan oleh pemandu-pemandu bas.

Seperti yang saya biasa sebutkan dahulu bahawa kotak ini apabila tiba 85 kilometer siren akan berbunyi dan kalau ia sampai 90 kilometer iaitu had maksimum ianya akan berbunyi lebih kuat, jadi sudah tentu jika ada penumpang di dalam bas, mereka akan memberi tahu drebar ia sudah melebihi had laju. Ini sudah tentu akan dapat mengawal penumpang-penumpang daripada berada dalam kelajuan yang akhirnya dapat membencanakan diri mereka jika berlaku kemalangan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai negara-negara lain dalam dunia ini yang telah melaksanakan sistem pemasangan kotak hitam ini dan juga kesannya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa negara di Eropah telah pun memasang, tetapi mereka tidak namakan 'kotak hitam' dipanggil VSM iaitu perakam had laju, bahkan setengah negara mereka juga memasang kedua-dua sekali, perakam had laju dan juga pengehad laju (speed limiter), tetapi di negara kita cuma memasang perakam had laju sahaja, kerana kita yakin perakam had laju ini lebih berkesan daripada speed limiter. Oleh kerana perakam had laju ini tidak boleh diganggu, jika diganggu akan direkodkan dan juga kelajuan setiap kali lebih had akan dicatatkan masa dan juga tarikh. Ini boleh dijadikan bukti di mana-mana termasuk di mahkamah.

PENDIDIKAN FORMAL SEKOLAH - KEYAKINAN IBU BAPA

11. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar kebanyakan murid-murid sekolah mengambil tuisyen dan adakah ini membayangkan para ibu bapa telah hilang keyakinan terhadap pendidikan formal di sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, senario murid-murid sekolah mengambil tuisyen bukanlah membayangkan para ibu bapa telah hilang keyakinan terhadap pendidikan formal di sekolah. Ini lebih kepada keprihatinan ibu bapa terhadap pencapaian dan kemajuan akademik anak-anak mereka supaya dapat meningkatkan lagi kefahaman tentang pelajaran yang dipelajari di sekolah. Namun begitu, pihak sekolah juga mengadakan kelas-kelas tuisyen dan tambahan bertujuan untuk menampung pembelajaran murid-murid secara 'latih tubi' bagi persediaan menghadapi peperiksaan dan sebagainya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Dato' Timbalan Menteri Pendidikan sama ada Kementerian Pendidikan ada membuat tinjauan atas statistik mengenai jumlah murid-murid atau penuntut-penuntut sekolah yang ada mengambil tuisyen. Saya dapati ada guru-guru sekolah yang menggalakkan supaya murid-murid atau penuntut-penuntut sekolah untuk mengambil tuisyen. Adakah ini satu bukti bahawa mereka pun tidak mempunyai keyakinan terhadap pendidikan formal dalam sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pengambilan tuisyen ini merupakan satu aktiviti sukarela murid-murid, jadi kita tidak memaksa mereka melaporkan aktiviti tersebut kepada sekolah. Oleh itu Kementerian Pendidikan tidak ada jumlah statistik berkaitan dengan pelajar-pelajar yang mengambil tuisyen secara sukarela. Namun demikian kelas-kelas tuisyen dan kelas-kelas tambahan yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah sendiri, kami ada statistiknya dan sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan, saya boleh memberi statistik tersebut secara bertulis.

Mengenai guru-guru yang kononnya menasihatkan murid-murid mereka mengambil tuisyen, saya rasa perkara itu tidak tepatlah dan Kementerian Pendidikan

juga ada garis panduan tertentu yang menghadkan pemberian tuisyen di kalangan guru-guru. Kita hanya mengizinkan guru-guru memberi tuisyen kepada pelajar-pelajar dan bukan sahaja pelajar-pelajar mereka sendiri, murid-murid sekolah lain dan sebagainya dengan syarat bahawa pemberian tuisyen itu tidak akan menjejaskan tugas mereka bagi sekolah, seperti kalau mereka ada aktiviti kokurikulum di sekolah jadi masa itu tidak dijejaskan dan sebagainya. Jadi, kalau guru-guru itu boleh memenuhi syarat-syarat itu kita izinkan mereka memberi tuisyen.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, mungkin oleh kerana kelas tuisyen, sekarang ramai murid yang layak untuk masuk ke universiti, tetapi mereka ini menghadapi masalah semasa memohon untuk memasuki universiti.

Saya hendak bertanya sama ada kementerian sedar bahawa sekarang ada pemohon-pemohon untuk memasuki universiti menghadapi masalah apabila diminta oleh UPU untuk memfakskan confirmation mereka berkenaan dengan keutamaan kursus ini kerana cuma lima buah faks sahaja yang diperuntukkan oleh UPU, jadi ada segolongan dari mereka yang mencuba selama 24 jam sebelum faks ini dapat laluan ke UPU. Pertanyaan saya ialah sama ada kementerian sedar atau ada cara lain untuk menentukan pilihan mereka?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, faks itu tidak ada.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada sangkut.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: berkait dengan pemberian tuisyen. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat menunggu lain soalan, memang ada chance lagi - minta maaf.

PENGHANTARAN KAD-KAD UCAPAN PERAYAAN BERKEMBAR - PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN

12. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang keberkesanan mengambil pekerja sambilan untuk membantu menguruskan penghantaran kad-kad ucapan sempena perayaan berkembar baru-baru ini. Adakah kad-kad ucapan tersebut dapat dihantar ke destinasi masing-masing mengikut jadual. Adakah kegawatan ekonomi mempengaruhi jumlah kad ucapan yang dihantar berbanding tahun-tahun lepas.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pekerja sambilan oleh Pos Malaysia Berhad pada setiap sambutan perayaan telah diamalkan sejak dari dahulu lagi bagi mengendalikan pertambahan besar mel serta kad ucapan yang diterima.

Bagi perayaan berkembar pada tahun 1997 dan tahun ini, amalan ini didapati pada asasnya berkesan dari segi memenuhi matlamat untuk menyampaikan kad-kad ucapan serta mel biasa ke destinasi tertentu mengikut masa yang dijadualkan. Sekiranya dibuat perbandingan adalah didapati bahawa jumlah pengirisan kad-kad ucapan bagi tahun 1998 adalah berkurangan secara ketara daripada tahun yang lepas iaitu sebanyak 23% ataupun dari 52.1 juta kad-kad ucapan kepada 40 juta kad-kad ucapan. Walaupun tidak dapat ditentukan dengan pasti bahawa pengirisan kad ucapan yang berkurangan ini adalah disebabkan kegawatan ekonomi besar kemungkinan ianya telah mempengaruhi keadaan ini.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Pos Malaysia telah mengalami proses pengkorporatan dan telah menjemput Post New Zealand, dengan izin, untuk membuat satu kajian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Pos Malaysia.

Saya hendak bertanya, adakah perkhidmatan Pos Malaysia lebih efisien selepas pengkorporatan dan pertolongan serta bantuan yang diberikan oleh Post New Zealand?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, selepas pasukan pakar perkhidmatan pos dari New Zealand telah berkhidmat di sini sebagai pakar rujukan selama dua tahun, adalah didapati pada umumnya mutu perkhidmatan Pos Malaysia telah dipertingkatkan dengan satu tahap yang agak memuaskan.

Mengikut network performing system ataupun uji mel yang dijalankan setiap hari, di mana 7,000 mel biasa dikirim oleh pihak Pos Malaysia sendiri untuk mengadakan satu ujian, kita telah mencapai satu tahap yang memuaskan iaitu 96% mel yang dikirim ini diterima sepertimana yang dijadualkan. Ini merupakan satu prestasi yang memang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

[Soalan No. 13 - Y.B Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] tidak hadir]

SEKTOR KEWANGAN, PERBANKAN DAN RUMAH SEKURITI – LANGKAH MEMULIHKAN KEYAKINAN

14. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tugas-tugas atau langkah-langkah tertentu yang telah diambil oleh kementerian untuk memulihkan keyakinan di dalam sektor kewangan, perbankan dan rumah-rumah sekuriti; dan
- (b) sama ada kementerian telah menjadualkan satu tarikh terakhir (dateline) bagi melengkapkan rasionalisme (penjelasan yang waras) sektor kewangan dan apakah faedah-faedah yang boleh diperolehi dari rasionalisme sektor kewangan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memulihkan keyakinan di dalam sektor perbankan adalah sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan usaha untuk menyatukan industri syarikat kewangan melalui satu program penggabungan;
- (ii) mempertingkatkan rangka pengawasan dan penyeliaan isu-isu kewangan;
- (iii) memperketatkan keperluan ketelusan institusi-institusi perbankan; dan
- (iv) memperketatkan lagi piawaian peruntukan dan klasifikasi pinjaman sejajar dengan amalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, program penggabungan bank-bank dan institusi kewangan ini akan dapat mengurangkan bilangan syarikat kewangan kepada sekumpulan syarikat kewangan yang bersaiz besar dan kukuh dan berupaya untuk meraih manfaat segala ekonomi. Proses ini juga merupakan strategi jangka panjang Bank Negara Malaysia bagi mempertingkatkan lagi daya ketahanan industri syarikat kewangan supaya ia mampu untuk menghadapi risiko daripada kemerosotan ekonomi.

Kerajaan telah menetapkan 31 Mac 1998 bagi syarikat-syarikat kewangan mengenalpastikan rakan penggabungan serta bersetuju secara prinsip terma-terma dan syarat-syarat penggabungan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawpan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 13 dan 15 hingga 46 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERCETAKAN TEKS AL-QURAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.” *[25 Mac, 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat dari Marang menyambung ucapan.

3.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa persidangan yang lalu, saya telah menasihatkan kerajaan supaya jangan mengabaikan aspek keperluan asasi negara di semua peringkat terutamanya dalam keperluan makanan yang dititikberatkan oleh semua negara maju dan paling maju di dunia. Cadangan ini dianggap tidak ekonomik di masa itu sehingga kita meraba-raba di zaman kemelesetan ini, menyangkul halaman rumah bukan sahaja tanah terbiar untuk menampung keperluan negara.

Alhamdulillah, tersedar juga walaupun ‘sesudah terhantuk’ dengan zaman kemelesetan yang sedikit ini. Di sana terdapat beberapa perkara negatif dalam menangani masalah kegawatan ekonomi seperti menggunakan wang Petronas, KWSP, dikatakan wang Tabung Haji pun mahu dihentam. Di samping menadah ‘topi’ memungut derma daripada rakyat yang lebih bersifat untuk menyelamatkan orang-orang yang tertentu yang selama ini menjadi Qarun-Qarun di dalam negara.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan sama ada ‘mengiakan’ atau ‘tidak’ berita yang menjadi perbualan umum bahawa kerajaan telah mengambil wang daripada Tabung Haji bagi diletakkan dalam Perbendaharaan, sekiranya ‘benar’ maka ini adalah satu penyalahgunaan kepada tabung orang Islam untuk dimanfaatkan oleh segelintir mereka yang terjerat daripada krisis ekonomi yang juga sebahagian daripada hasil kegiatan mereka sendiri. Sudahlah penerbangan haji dimonopolikan kepada Transmile yang menjadi milik orang yang berada di keliling pinggang pihak

yang berkenaan, yang dikatakan menyewa dua buah sahaja penerbangan DC10, di mana bakinya lagi melalui penerbangan asing semata-mata untuk memberi kesempatan kepada golongan itu daripada orang-orang yang perlu kepada perjalanan menunaikan ibadat Rukun Islam kelima itu. Sila umumkan siapakah pemilik kepada Transmile ini? Di mana perginya Syarikat Penerbangan Malaysia sendiri sehingga diambil penerbangan negara-negara lain. Apa yang disebut hanyalah sebahagian daripada muamalah ekonomi yang banyak menyembunyikan perkara-perkara yang tersirat.

Bagi melaksanakan kewajiban menyeru kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, pihak PAS telah mengutuskan satu memorandum kepada pihak kerajaan untuk menyedarkan bahawa mereka sebenarnya sedang menghadapi krisis keyakinan yang amat parah, termasuk kepada kepimpinan negara yang sedang mengendalikan kemelut ekonomi sekarang sehingga menghilangkan kepercayaan daripada sebahagian besar pelabur asing yang selama ini dianggap menjadi sumber modal utama dalam pelaksanaan rancangan pembangunan negara. Akibat daripada krisis keyakinan itu kestabilan politik juga dikesampingkan kerana tumpuan yang melampau kepada mewujudkan kestabilan kewangan yang masih tidak dapat diselesaikan angkara kejatuhan nilai Ringgit Malaysia serta Bursa Saham Kuala Lumpur yang mengalami kegawatan dan kerugian besar yang berakhir dengan terbengkalainya cita-cita pembangunan ekonomi dan pendewaannya sehingga mengatasi kepentingan yang lain termasuk agama dan moral.

Semua rakyat sama ada kakitangan kerajaan terutama yang kecil menjadi mangsa dalam kegawatan ekonomi itu kerana kos keperluan asas makanan dan kehidupan menjadi semakin melambung di mana rakyat biasa diulit oleh kenyataan yang dimanis dan dihiaskan oleh media massa, yang diperalatkan begitu rupa dan pegawai kerajaan pula dihadiahkan dengan pemotongan gaji dan elaun.

Bagi mereka yang berada di sektor swasta menghadapi pemotongan lebih besar atau ancaman diberhentikan. Semua ini membawa kepada penderitaan rakyat terutamanya golongan yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Semua perkara ini tidak boleh dihiburkan dengan pemotongan sedikit gaji para menteri yang terus-menerus tidak boleh menjadi keyakinan melalui 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam menghadapi kesusahan hidup kerana sikap golongan atasan tidak menunjukkan suatu pengorbanan dan rasa bertanggungjawab dengan ikhlas, kerana semua yang ditunjukkan melahirkan kepalsuan slogan tradisi membela rakyat, 'Bersih, Cekap dan Amanah' dan laungan 'Inflasi Sifar'.

Sikap kepimpinan negara terus-menerus menunjukkan berkiblat kepada sistem sekular Barat kononnya untuk menyesuaikan dengan keperluan globalisasi, walaupun memberi kesan yang amat negatif kepada negara dalam segala aspeknya. Kepercayaan penuh masih tetap kepada konsep sistem pasaran bebas serta dasar liberalisasi ekonomi telah menimbulkan percanggahan di antara keperluan hujah strategik dan justifikasi hujah ekonomi. Ini jelas terbukti dengan dasar perindustrian yang terlalu mementingkan perkembangan industri tanpa memberi perhatian yang seimbang kepada kepentingan sektor pertanian yang merupakan sektor asas bagi sesebuah negara. Dasar ini telah mewujudkan kepentingan negara yang terlalu bergantung kepada bahan asasi yang diimport yang bernilai melebihi RM9 bilion setahun, dalam keadaan sekarang ini sebagai pengajaran yang pahit, keperluan hujah strategik seperti 'food', 'security' terbukti lebih penting daripada justifikasi hujah ekonomi.

Sikap 'bermuka' serta sindrom menafi (denial syndrom) telah menjadi amalan jelik di kalangan pemimpin negara. Mereka begitu lantang mengkritik tindak-tanduk kuasa Barat dalam hal ketidakadilan di dalam hak asasi manusia, perdagangan dan urusan kewangan di dalam sistem pasaran bebas, malangnya mereka tidak menyerlahkan konsistensi dengan amalan negeri sendiri.

Sikap kepimpinan negara yang percaya penuh kepada sistem pasaran bebas tanpa menyediakan sebarang mekanisme yang berkesan untuk menghindarkan negara daripada terpedaya, sabotaj dan manipulasi kapitalis antarabangsa telah menjadikan

negara ini menghadapi masalah kewangan yang tidak stabil dan lebih jauh lagi tidak berkeupayaan menangani kegawatan yang dihadapi. Ini telah menimbulkan berbagai kelemahan seperti pengabaian kepada kepentingan pengurusan ekonomi makro disertai ketiadaan kawalan ketat pinjaman luar

Dolar Amerika yang sentiasa ditaja dengan kadar lebih murah kepada pihak korporat dan swasta, menyebabkan penerusan pergantungan kepada dana asing dalam menampung keperluan membiayai projek mega. Ini bermakna dalam sistem kewangan sekarang dana luar sentiasa menjadi pilihan pinjaman kepada sektor swasta, juga ditambah dengan pengaliran wang keluar negara dengan kedatangan berlebihan tenaga kerja asing yang dianggarkan telah melebihi 2 juta orang.

Sejak negara membangun menerima konsep pengapungan nilai kadar pertukaran mata wang, campur tangan bank pusat/negara sebagai penampung dan penstabil telah diterima tanpa sebarang kajian mendalam. Di dalam keadaan sekarang jelas bahawa andaian keupayaan bank pusat/negara mungkin telah menjadi usang kerana keupayaannya dalam konteks pasaran bebas globalisasi adalah terlalu kerdil. Apatah lagi keadaan ini bertambah rapuh dengan berlakunya salahguna kuasa dengan menggunakan Bank Negara untuk turut terlibat sama dalam spekulasi mata wang luar.

Dalam keadaan gawat dan genting ini, pimpinan kerajaan perlu merenung dengan penuh rasa bertanggungjawab mengenai masalah kapitalisme yang berteraskan fahaman 'Mardiah' kebendaan, keghairahan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi tinggi yang berterusan telah mencetuskan sikap dan pemikiran rakyat yang lebih mementingkan kebendaan sebagai matlamat dan kayu ukur kejayaan tanpa mengira halal haram dalam kata lain fahaman 'Mardiah' yang menjunjung konsep individualisme yang dihantui oleh sifat tamak haloba telah mewujudkan golongan kapitalis yang tandus dengan sifat kemanusiaan dan akhirnya hilang ketaatsetiaan, fahaman ini jugalah yang menghancurkan sistem pasaran bebas yang sedang dibina.

Amalan riba yang dipelopori oleh sistem perbankan dan insurans sekarang ini memonopoli urusan niaga kewangan negara. Amalan ini telah diperkuatkan lagi dengan penggunaan mata wang tunggal, wang kertas yang sememangnya menjadi saluran penguasaan oleh kapitalis luar yang mencengkam kebebasan dan merampas hak milik ruang niaga serta kebebasan peniaga tempatan. Hasil daripada amalan riba dan penggunaan mata wang tunggal telah memberi kekuatan kepada kapitalis luar sehingga membolehkan mereka menggugat dasar dan perancangan kerajaan. Allah S.W.T dan Rasulullah s.a.w sememangnya memerangi mereka yang mengamalkan riba dan akibatnya akan sentiasa mendatangkan bala dan kesusahan kepada rakyat dan rakyat seluruhnya.

Firman Allah S.W.T. [*membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah S.W.T dan tinggallah saki-baki daripada riba, maka jika kamu tidak melakukannya maka bermakna kamu mengizinkan Allah S.W.T. dan Rasulullah mengisytiharkan perang."

PAS telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan dalam rangka usaha untuk menangani kemelut merudumnya ekonomi negara yang masih parah ini. Adalah perlu difikirkan dan diambil kira langkah keselamatan dan perancangan jangka masa panjang untuk menutup sebarang peluang kepada manipulasi, spekulasi, penyelewengan, sabotaj dan tipu-daya. Maka kami telah menyarankan dan saya ulangi saranan ini agar kerajaan menumpukan kepada langkah:

(1) Menubuhkan Majlis Perunding Syariah dan Tenaga Pakar.

Satu Majlis Perunding yang dianggotai oleh ulama, profesional dan pakar perlu ditubuhkan segera sebagai sumber rujukan untuk merangka kaedah dan sistem yang bertujuan untuk membentuk sistem perekonomian yang berimbang, berstrategi, adil, berakhlak dan berperikemanusiaan.

(2) Merangka dan mewujudkan mekanisme yang berteraskan syariah.

Kerajaan perlu merangka dan mewujudkan dengan segera suatu bentuk mekanisme berteraskan syariah yang mampu dan boleh mengawal pelbagai jenis 'gharar' dan manipulasi sama ada dalam perdagangan mata wang, barangan dan perkhidmatan;

(3) **Menubuhkan Lembaga Hisbah.**

Untuk menjamin keadilan yang tidak tergugat serta memastikan penyelewengan tidak bermaharajalela, maka satu Lembaga Hisbah yang bertanggungjawab kepada Parlimen hendaklah ditubuhkan dengan segera;

(4) **Memajmukkan sistem perekonomian dan kewangan negara.**

Selaras dengan sifat majmuk sebagai sebahagian daripada ciri Malaysia, maka adalah perlu bagi sistem perekonomian dan kewangan negara ini dimajmukkan dengan sistem dan amalan muamalat Islam sebagai usaha perlindungan kepada serangan kapitalis;

(5) **Membuka ruang yang lebih luas.**

Bagi memperkenalkan amalan sistem ekonomi Islam, perlu diwujudkan dalam sistem sekarang peluang yang lebih luas dan proaktif bagi memperkenalkan amalan dan muamalat Islam yang mempunyai entiti bebas daripada kerangka sistem sekarang;

(6) **Memajmukkan mata wang.**

Pendekatan mestilah segera dicari dengan memperkenalkan dinar Malaysia iaitu mata wang emas sebagai kaedah membendung inflasi dan mencapai kestabilan kewangan untuk penggunaan dalam negeri. Pendekatan ini adalah sebagai usaha sokongan untuk mengatasi kemelut sekarang;

(7) **Menjalin hubungan dengan lebih erat di kalangan negara umat Islam.**

Berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjamin hubungan yang lebih erat dalam rangka membentuk kerjasama ekonomi dalam bidang modal dan kewangan, membentuk pasaran bersama dan memantapkan hubungan di kalangan negara umat Islam sebagai usaha menangani permasalahan yang ditimbulkan oleh kapitalis antarabangsa dan tempatan;

(8) **Mengkaji dan menggunakan kaedah pertukaran di antara mata wang (currency sweeping).**

Bagi tujuan menentukan pasaran wang untuk mencetuskan keyakinan dan penstabilan mata wang Ringgit Malaysia, satu kajian menyeluruh untuk mengkaji serta menggunakan kaedah pertukaran di antara mata wang perlu dilaksanakan segera dalam kaedah penentuan nilai mata wang tidak lagi menggunakan kaedah apungan yang terdedah kepada manipulasi;

(9) **Mengkaji semula kedudukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara.**

Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dibentuk hendaklah disusun semula agar ia benar-benar berfungsi bagi menyelamatkan ekonomi negara dan bukan sekadar political football untuk mengukuhkan kedudukan setengah-setengah pemimpin negara serta menyelamatkan perniagaan segolongan ahli-ahli korporat yang mempunyai hubungan istimewa dengan pemimpin negara. Dalam hal ini, semua pihak termasuk parti pembangkang perlu dilibatkan semua agar ianya lebih mewakili pandangan serta hasrat rakyat.

(10) **Menangani gejala rasuah secara berterusan.**

Kerajaan hendaklah mengambil langkah segera membasmi rasuah di semua peringkat dengan lebih bersikap 'accountable and transparent' terutama dalam menguruskan ekonomi negara. Rakyat umumnya melihat di antara sebab keruntuhan ekonomi negara ialah gejala rasuah yang bermaharajalela di

semua peringkat. Sungguhpun Akta Mencegah Rasuah telah diluluskan pindaannya untuk tujuan lebih berkesan, namun ia tidak akan memberi apa-apa erti sekiranya pelaksanaannya lebih dipengaruhi oleh kepentingan politik.

(11) **Membuka ruang bagi perbincangan umum (public discussion).**

Ruang bagi perbincangan umum perlu dibuka agar semua lapisan masyarakat dapat memberikan pandangan kritiknya serta cadangan terhadap kemelut ekonomi ini tanpa rasa takut dan bimbang dengan pelbagai undang-undang seperti ISA dan OSA. Dalam hal ini, pihak kerajaan hendaklah membenarkan semua lapisan masyarakat termasuk para ulama, pemimpin dan ahli akademik supaya tampil bersama membantu negara menangani kemelut keruntuhan ekonomi yang melanda sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dicari penyelesaiannya selagi kepentingan kebendaan adalah matlamat utama Dasar Ekonomi Negara, maka selama itulah kita akan terus gagal untuk mencari penyelesaian kepada kemelut ini. Oleh yang demikian, kita akan menjadikan matlamat utama perancangan negara untuk tujuan kemanusiaan, persaudaraan, nilai murni dan kebahagiaan sejagat tanpa mengira kaum, keturunan dan agama dan tanpa pergantungan kepada orang lain.

Dalam aspek pembangunan sumber manusia yang bermoral, kompetitif serta berkebolehan teknologi perlunya kepada reformasi pendidikan yang betul bukan sahaja dalam pelaksanaan sekolah bestari, tetapi juga memanfaatkan secara membetulkan mereka yang telah tercicir dan terceburlah ke dalam kegiatan yang merugikan, bukan sahaja mengambil kira supaya berhati-hati dalam perkembangan pertumbuhan pusat pengajian tinggi, pusat pengajian swasta dan asing yang pesat di semua peringkat, terutamanya di peringkat pengajian tinggi tetapi mengkaji dan membetulkan juga pusat-pusat serenti sedaya upaya yang boleh dilakukan dengan menggembelkan tenaga dan sumbangan serta harta benda tanpa mengira pulangan kewangan 'maddiah' segera semata-mata, tetapi yang lebih diutamakan ialah hasil pembangunan manusia yang bermanfaat kepada negara dan umat.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah Islam yang telah berjaya mengubah manusia Arab buta huruf, keras dan tiada asas tamadun agama dan kebendaan, tiba-tiba menjadi umat yang berjaya meneroka satu tamadun rabbani dan menegakkan masyarakat madani yang boleh bertahan beberapa abad lamanya selagi mereka berpegang dengan ajaran Islam itu dan kejatuhan berlaku. Apabila ajaran Islam ditinggalkan di mana tamadun Islam yang dihasilkan itulah membawa perkembangan manusia akhir zaman yang diberi kemuncak kemajuan sains dan teknologi sekarang. Di zaman mutakhir pula kita perlu mempelajari bagaimana negara dan bangsa Jerman dan Jepun yang tewas teruk dibelasah dan ditindas selepas Perang Dunia Kedua berjaya bangun menjadi gergasi ekonomi dan politik dengan kekuatan dan keperibadian sendiri tanpa meninggalkan budaya, bangsa dan bahasa masing-masing dan tanpa berlutut seratus peratus kepada orang-orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha yang sangat gigih menarik pelaburan asing, saya ingin mengulangi peringatan saya agar kerajaan lebih berhati-hati supaya pemindahan teknologi benar-benar berlaku. Maka jangan memberi peluang kepada mereka yang bakhil ilmu dan lebih bersikap oportunis dengan mengambil kesempatan daripada keadaan kita yang terdesak. Kita juga perlu banyak bersabar dalam keadaan seperti ini, jangan tunduk dan berlutut kepada sesiapa sahaja sehingga menggadai maruah negara.

Kita tidak tahu sehingga kini berapa barangan keluaran negara yang diimport dan berada dalam pasaran antarabangsa selama ini benar-benar menjadi ukuran kepada kemajuan kita yang sebenar atau pada tulisan namanya sahaja tetapi lebih dimanfaatkan oleh kuasa ekonomi asing di mana negara kita hanya menjadi pengkalan untuk membina kilang pengeluaran asing di mana tenaga tempatan diperah tanpa berkembang dengan ilmu yang membebaskan diri daripada bergantung selama-

lamanya kepada pelaburan asing tanpa dihadkan tempohnya di mana kita terjebak ke dalam penjajahan ekonomi secara moden.

Begitu juga dalam memanfaatkan bahan tempatan bagi meningkatkan pengeluaran domestik secara memperkemarkan sistem pemasaran dan pengagihan, pihak kerajaan hendaklah tidak teragak-agak dalam menangani mereka yang memonopoli untuk menguasai pasaran dan mempermainkan pemasaran bagi kepentingan segelintir manusia di mana keuntungan berpusing-pusing di kalangan mereka sedangkan masyarakat bawahan terus ditekan oleh permainan mereka. Golongan yang tersebut di atas sering kali terlibat membiayai politik wang sama ada dalam pemilihan parti yang memerintah atau di masa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil, mereka merupakan Qarun moden yang menjahanamkan ekonomi dan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak bahan tempatan yang terbiar dan kadangkala dimanfaatkan oleh orang lain atau negara-negara lain seperti kayu-kayan dan buah-buahan tempatan yang ditinkan dan dipasarkan ke luar negara memakai nama 'England' dan 'Singapura' sebagai contohnya. Mungkin kerana kita mengejar perkara dan projek-projek mega, maka yang kecil ini biarlah dikebas oleh orang lain atau negara lain. Yang mega merudumkan ekonomi dan yang tidak mega dikebas oleh orang lain. Mujurlah malapetaka ekonomi ini boleh menyedarkan kepimpinan negara supaya menjadi lebih berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita masih belum terlambat di dalam penekanan yang penting kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara seperti strategi yang diambil akhir-akhir ini dan saya telah memberi peringatan beberapa tahun yang lalu sebenarnya inilah juga langkah yang dilakukan oleh keseluruhan negara maju di dunia seperti Amerika, Jepun, Jerman, Perancis dan lain-lain sehingga ada negara yang memberi subsidi yang terlalu banyak kepada petani. Mereka tidak menggunakan hujah lebih untung mengimport bahan makanan negara daripada usaha meningkatkannya dalam negara seperti yang pernah diujahkan kepada saya oleh Menteri Pertanian di awal 90an dahulu, tetapi alhamdulillah, sekarang nampaknya sudah berubah. Saya ingin memberi penekanan di sini supaya pihak kerajaan memberi galakan yang lebih bersungguh, bukan sahaja meningkatkan pengeluaran daripada yang sedia ada tetapi juga mestilah jangan bakhil tanah sehingga menyusahkan rakyat untuk meneroka tanah pertanian baru dan mestilah mengubah sikap setengah kerajaan negeri yang mengambil jalan singkat untuk mendapat keuntungan melalui perbadanan memajukan iktisad negeri secara merampas tanah rakyat sekangkang kera untuk projek ekonomi secara mudah walaupun mengorbankan hak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan industri pelancongan sehingga hari ini pihak yang berkenaan masih lemah dalam membendung perkara-perkara negatif kepada rakyat tempatan khususnya generasi muda kerana pelancong asing dan kelas rendah atau pelancong yang tidak berkelas masih berleluasa di kawasan pelancongan untuk meninggalkan aspek-aspek negatif kepada masyarakat. Masih ada pihak yang terlalu rakus dengan industri pelancongan sehingga mengadakannya lebih daripada pelanggan, sehingga pihak yang berkenaan pula membelakangi rakyat tempatan khususnya para nelayan di pulau-pulau yang berselerak di seluruh pelosok negara tanpa menafikan bahawa banyak perkara positif yang boleh diwujudkan daripada industri pelancongan seperti aspek dakwah, ekonomi tetapi kurang diberi perhatian secara sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan antarabangsa tanpa mengira ideologi politik, pihak kerajaan juga mestilah tidak tergelincir daripada landasan dan prinsip keadilan serta hak asasi manusia tanpa 'double standard'. Saya menghargai sikap memandang berat terhadap ketidakadilan dan penindasan yang masih berterusan di seluruh pelosok dunia seperti di Bosnia-Herzegovina, Palestin dan lain-lain yang tidak disebut, termasuk juga yang paling berjiran dengan negara kita.

Saya ingin menyebut satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku di mana beberapa orang rakyat Malaysia yang berasal daripada Selatan Thailand, dianggarkan jumlahnya lebih daripada 20 orang telah diserahkan oleh pihak yang berkenaan di sini kepada pihak Thailand hasil daripada satu kenyataan yang dibuat oleh pihak Thailand bahawa pihak Malaysia telah membantu pejuang-pejuang pembebasan Selatan Thailand. Adalah tidak wajar tuduhan itu dijawab dengan menyerahkan mereka yang telah diberi kerakyatan kepada pihak Thailand yang sepatutnya pihak Thailand sendirilah yang mengukur tindakan mereka yang tidak memuaskan terhadap hak orang-orang Islam di dalam negeri mereka dan pihak kita juga perlu mengambil kira nasib orang-orang Islam di sana, bukan memberi jawapan dengan menyerah mereka yang telah mendapat kerakyatan kerana bermastautin di sini walaupun di atas semangat menunjukkan setiakawan ASEAN.

Saya menganggap cara ini adalah tidak baik, saya kira apa yang dilakukan itu adalah menyalahi amalan antarabangsa yang mempertahankan rakyat masing-masing sehingga Libya sanggup menghadapi kepungan antarabangsa kerana ada maruah untuk mempertahankan rakyatnya yang dituduh sewenang-wenang. China tidak menyerah begitu sahaja diplomat Korea Utara yang berpaling tadah walaupun dengan langkah yang melibatkan pihak keselamatannya. Begitu juga negara yang memberi suaka politik tidak menyerah sewenang-wenang kerana mereka tidak boleh disamakan dengan penjenayah. Perkara ini tidak berlaku di zaman Perdana Menteri sebelumnya, termasuk Perdana Menteri yang beribukan Siam.

Apa yang berlaku menunjukkan kelemahan kerajaan dalam hubungan diplomatik dengan negara lain sehingga tunduk dengan tuntutan yang boleh menjejaskan prinsip menentang kezaliman yang menjadi amalan antarabangsa atau dengan lain perkataan, menunjukkan bahawa pihak perisikan Thailand boleh menembusi negara kita. Maka adalah sangat bahaya kalau negara boleh ditembusi oleh perisikan asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklumat daripada sumber yang dipercayai bahawa lima orang pelarian suaka dari Aceh telah terbunuh dalam satu pertempuran dengan polis pada pagi ini, 26 Mac 1998, kira-kira jam 5.00 pagi di Kem Pelarian Semenyih. Saya tidak mempunyai maklumat sekiranya ada golongan polis yang turut terkorban. Terdapat kira-kira 290 orang pelarian Aceh dalam kem tersebut didakwa bahawa malam kelmarin 91 orang daripada mereka tidak sedar diri akibat diberi sesuatu ubatan atau racun tanpa pengetahuan mereka, kononnya untuk membolehkan mereka mudah dihantar pulang, khabarnya 70 orang masih tidak sedarkan diri, manakala pertempuran berlaku. Didakwa juga bahawa semua pelarian ini telah diberitahu mereka akan dihantar pulang ke Aceh, Indonesia. Mereka enggan patuh kerana takut keselamatan diri terancam. Setengah mereka bimbang bahawa mereka boleh jadi akan dibunuh oleh pihak militer di Indonesia oleh sebab keterlibatan mereka dengan politik pada masa lalu. Saya diberitahu bahawa mereka memilih mati, oleh kerana itulah mereka melawan percubaan untuk memaksa mereka pulang dan terus bertempur dengan polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa supaya pihak yang berkenaan menyiasat sepenuhnya perkara ini dan memberitahu umum hasil penyiasatan, akan tetapi buat sementara waktu pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis hendaklah memberi penjelasan tentang apa yang telah berlaku dan angka sebenarnya mereka yang terbunuh atau cedera di semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Palestin, PAS memperingati genap 50 tahun Palestin dirampas Yahudi. Dengan restu Bangsa-Bangsa Bersatu, kami tetap tidak menerima kewujudan negara haram Israel kerana Palestin adalah hak rakyat Palestin, projek damai hanya cara untuk menyeret pengiktirafan negara haram Israel dengan umpan sekangkang kera bumi Ghazah dan Jeriko yang kononnya diberi kepada rakyat Palestin. Umat Islam di negara ini dan di seluruh dunia sepatutnya memberi sokongan kepada Hamas yang benar-benar mempertahankan hak yang adil kepada rakyat Palestin dan hak Islam di bumi Palestin.

Saya berharap pihak Kerajaan Malaysia juga mengiktiraf Hamas dan membenarkan pejabatnya diadakan di Kuala Lumpur. Malaysia hendaklah mengubah sikap dengan banyaknya berlaku sikap negatif Israel terhadap perdamaian dan banyak telatah melampau yang ditunjukkan oleh Mosad, ejen perisikan Israel yang melakukan pembunuhan di merata dunia. 50 tahun pengalaman merupakan masa yang cukup kepada masyarakat antarabangsa mengerti daripada tindak-tanduk Israel itu.

Saya ingin mengulangi desakan PAS kepada pihak kerajaan supaya tidak membiarkan umat Islam di Kashmir diperlakukan dengan kekejaman, di samping tidak mengindahkan hak mereka untuk menentukan nasib tanah air secara demokrasi seperti yang telah diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi tidak diindahkan oleh India. Apakah Malaysia ikut sama memejam mata terhadap kebiadaban yang dilakukan itu. Perkembangan mutakhir di Kosovo menunjukkan kemungkinan rantau Balkan bergolak semula. Apa yang membimbangkan ialah majoriti umat Islam di Kosovo sekali lagi menjadi mangsa kekejaman seperti pernah berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Kami mengharapkan supaya Kerajaan Malaysia mengulangi kesungguhan seperti yang dilakukan di Bosnia-Herzegovina tanpa mengira pengaruh masyarakat antarabangsa yang sering kali menjadi buah catur negara-negara besar. Sikap masyarakat antarabangsa ini jelas dipermainkan oleh kuasa besar dengan bukti di mana tidak ada lagi negara yang berani mengiktiraf wujudnya negara Chechnya yang merdeka dan berdaulat walaupun mereka telah berjaya mengalahkan penjajahan Rusia ke atas tanah air mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya tegaskan bahawa kita tidak dapat mencapai kejayaan yang sebenar sehinggalah berada di atas prinsip yang benar dan pelaksanaan yang menyeluruh dan ikhlas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.

4.05 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam titah ucapannya di Dewan yang mulia ini Isnin lalu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menasihati seluruh rakyat jelata Malaysia semoga bersabar di dalam menghadapi krisis ekonomi yang sedang melanda negara. Baginda yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pasti berupaya mengatasi krisis ini. Namun begitu, Baginda bertitah, 'adalah penting bagi seluruh rakyat memberikan sepenuh kepercayaan kepada kerajaan di dalam mengatasi krisis tersebut'. Ertinya, keyakinan sepenuhnya perlu diberikan kepada Perdana Menteri, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri, kepada Tun Daim Zainuddin selaku Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan juga kepada agensi-agensi kerajaan seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyifatkan kenyataan Yang di-Pertuan Agong mengenai kepercayaan atau 'trust' dalam konteks krisis ekonomi hari ini sebagai amat tepat pada masanya. Ia amat tepat kerana di dalam mana-mana masyarakat moden sekalipun, arena ekonomi adalah satu-satunya arena sosiabiliti insan (human sociability) yang paling asas dan dinamis. Seperti ditegaskan oleh Francis Fukuyama di dalam bukunya TRUST, dengan izin, "in any modern society, the economy constitutes one of the most fundamental and dynamic arenas of human sociability".

Konsep 'sosiabiliti insan' ini amat luas tafsirannya. Ia merupakan sebahagian dari elemen 'human capital' atau modal insan yang penting kepada kelangsungan sosial, ekonomi dan seluruh aspek kehidupan. Konsep ini jugalah yang melandasi nilai bersama atau 'shared values', dengan izin, yang melahirkan 'mutual trust' atau sifat saling mempercayai. 'Mutual trust' pula mempunyai nilai ekonomi yang amat berharga dan besar. Tetapi, konsep ini jarang-jarang sekali dikupas secara menyeluruh.

Secara umumnya, 'sosiabiliti insan' adalah satu konsep yang mendasari segala ciri murni manusia ke arah kegemilangan. Ciri-ciri ini berpaksikan kepada sifat

'mutual trust' atau saling mempercayai. Ciri-ciri ini lahir dari gabungan sifat setiakawan, muafakat, rukun, damai, kerjasama, jujur, tulus dan ikhlas di antara sesama insan demi kelangsungan satu kehidupan bersama yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, konsep sosiabiliti insan serta sifat saling mempercayai ini sewajarnya merangkumi seluruh persepsi, pemikiran, nilai, norma, budaya serta amalan hidup yang bermaruah lagi membina. Hakikat ini membolehkan insan-manusia mengiktiraf satu perjuangan, khususnya di dalam mensejahterakan ekonomi sesebuah negara tanpa sebarang rasa cuak, tanpa curiga, tanpa prasangka ataupun tanpa pembabitan penggunaan sebarang teori konspirasi yang kabur lagi melulu.

Konsep sosiabiliti insan ini telah terbukti kejayaannya di Malaysia. Ia telah mencetuskan sikap saling mempercayai dan sikap toleransi antara kaum. Ia telah membolehkan perjuangan memerdekakan tanah air berjalan secara aman dan damai. Ia telah membolehkan penggubalan beberapa dasar afirmatif di bidang sosio-ekonomi. Ia telah membolehkan pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional membina sebuah negara-bangsa Malaysia yang cemerlang.

Berlandaskan hakikat inilah maka semua pihak di Malaysia seharusnya terus memelihara sifat saling mempercayai atau 'mutual trust' yang wujud buat sekian lamanya di antara rakyat sesama rakyat dan di antara rakyat dengan kerajaan di Malaysia. Lantaran itu, janganlah wujud mana-mana puak - baik puak luaran ataupun puak dalaman - yang cuba menggugat ataupun mempersenda-sendakan sosiabiliti insan yang dimanifestasikan menerusi sokongan serta kepercayaan majoriti rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional menerusi proses pilihan raya umum selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu negara ini sedang dilanda krisis dan ketika beberapa kelompok tertentu kini sedang cuba menghakis kepercayaan rakyat kepada kerajaan menerusi pelbagai tohmah dan dakwah, marilah sama-sama kita soroti kembali faktor-faktor yang menyebabkan Barisan Nasional diberikan sokongan besar dan kepercayaan penuh menerusi Pilihanraya Umum 1995. Sokongan serta keyakinan rakyat yang diberikan kepada Barisan Nasional menerusi Pilihanraya Umum 1995 adalah yang terhebat di dalam sejarah negara Malaysia merdeka. Inilah manifestasi kepercayaan rakyat kepada kerajaan yang ketika itu diiktiraf sebagai telah mencipta kegemilangan ekonomi negara. Inilah bukti nyata bahawa majoriti rakyat Malaysia memang menghayati konsep syukur dan mempunyai obligasi moral yang bertimbang-balas.

Kepercayaan penuh yang diberikan oleh majoriti rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional menerusi Pilihanraya Umum 1995 tidak lahir atas dukungan kepentingan yang sempit. Sebaliknya, kepercayaan itu diberikan atas premis nasional yang lebih besar dan juga sebagai cermin kepada jiwa kebangsaan Malaysia yang semakin murni.

Salah satu faktor nasional yang melandasi sokongan besar rakyat jelata menerusi Pilihanraya Umum 1995 ialah keikhlasan kerajaan di dalam memperjuangkan kecemerlangan bangsa dan kecemerlangan ekonomi negara di abad mendatang. Rakyat memberi sokongan besar kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana mereka yakin dan percaya bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional sahajalah yang mampu mewujudkan bangsa Malaysia yang perkasa, bermoral tinggi, berilmu, berbudaya, sejahtera dan disegani dunia.

Warga korporat Malaysia tidak terkecuali dari memberikan keyakinan penuh mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam Pilihanraya Umum 1995. Mereka bertindak demikian kerana Dasar Persyarikatan Malaysia yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di awal 80an telah terbukti kejayaan dan keberkesannya. Dasar tersebut telah mencetuskan sosiabiliti insan di sektor korporat dan kerajaan. Dasar tersebut telah melahirkan sifat saling mempercayai dan saling bantu-membantu di antara sektor awam dan sektor swasta. Ini telah menjadikan proses pembangunan ekonomi dan industri negara lebih rancak dan lebih berjaya. Dasar

tersebut telah membolehkan warga korporat Malaysia mempelopori pelaburan Malaysia di beberapa negara asing. Sekali gus, dasar tersebut juga telah meningkatkan martabat warga korporat Malaysia di pelantar antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kini Malaysia sedang dicengkam krisis ekonomi. Dalam situasi krisis ini, sifat saling mempercayai ataupun sikap 'mutual trust' di antara rakyat jelata dan kerajaan semestinya jadi lebih perlu dan semestinya jadi lebih penting. Dalam krisis ini, segala usaha ke arah memperkukuhkan lagi keyakinan dan segala usaha memelihara kepercayaan rakyat terhadap kerajaan semestinya jadi lebih dituntut dan semestinya jadi lebih mencabar. Lantaran itu, marilah sama-sama kita perkukuhkan semula kepercayaan dan marilah kita perkukuhkan semula keyakinan yang bertimbal-balas di antara rakyat dan kerajaan dan di antara sektor awam dan sektor swasta. Dalam erti kata lainnya, marilah kita saling percaya-mempercayai demi membolehkan negara ini bebas dari krisis dan kembali sejahtera.

Hakikat ini penting. Janganlah sampai suatu ketika nanti, rakyat asing kelihatannya lebih mempercayai Malaysia dan pelabur tempatan pula terus melekeh-lekehkan kerajaan di negara sendiri. Sebenarnya, indeks pasaran mata wang semalam telah mula menjurus ke arah ini. Contohnya, kadar tukaran Ringgit berbanding Dolar Amerika di pasaran Kuala Lumpur semalam adalah RM3.66 kepada setiap US\$1. Hakikat ini berbeza di New York. CNN Financial malam tadi melaporkan bahawa kadar pertukaran Ringgit berbanding Dolar Amerika di New York adalah lebih tinggi, iaitu RM3.58 bagi setiap US\$1. Lantas, marilah kita berikan keyakinan kepada kerajaan kita sendiri. Jangan kita peragung-agungkan hujan emas di negeri orang, jangan kita perlekehkan hujan batu di negara sendiri.

Kerajaan memang sentiasa menghargai kepercayaan rakyat yang diberikan kepadanya menerusi pilihan raya umum. Sebab itulah seluruh dasar pembangunan negara selama ini dan juga seluruh usaha membanteras krisis ekonomi yang dilaksanakan hari ini adalah menyeluruh dan berorientasikan rakyat.

Oleh itu, jika hari ini kerajaan terang-terangan membela beberapa keluarga sektor swasta yang dirundung masalah akibat krisis ekonomi, pembelaan sedemikian, pada pandangan saya, adalah wajar kerana itulah sebahagian dari tuntutan obligasi moral yang tersirat di sebalik Dasar Persyarikatan Malaysia. Pembelaan itu juga pastinya dilakukan atas luno-luno kenegaraan dan kebanggaan nasional yang murni.

Biarpun begitu, kerajaan juga mewujudkan pelbagai instrumen kewangan sebagai jaring keselamatan atau dengan izin, 'safety net' yang memberikan pembelaan kepada golongan usahawan kecil dan sederhana. Golongan ini tidak boleh diketepikan. Golongan ini adalah sebahagian dari pendukung setia Barisan Nasional pada sepanjang masa.

Pada waktu yang sama, biarpun di dalam krisis, biarpun kerajaan terus melaksanakan dasar fiskal berhemat, nasib golongan miskin, petani dan rakyat desa tetap akan terus dibela dengan seadil-adilnya. Golongan inilah juga yang sentiasa mendukung perjuangan Barisan Nasional di setiap kali pilihan raya umum. Tetapi jika inilah hakikatnya yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan, adakah adil jika kerajaan sering dipersoal dan diperkecil-kecilkan pada hari ini? Dalam krsis yang kita tempuhi hari ini, adakah adil jika segolongan rakyat jelata jadi lemas dan hilang perhitungan akibat mabuk oleh racun tohmah dan dakyah yang disebar luas oleh media antarabangsa? Dalam suasana krisis seperti hari ini, adakah adil jika berita-berita yang disebarkan oleh media asing mengenai Malaysia diiktiraf sebagai kebenaran yang hakiki, dengan izin, as the gospel truth, sementara kenyataan pihak kerajaan pula dianggap remeh dan sentiasa dikaitkan dengan apa yang dikatakan sebagai sindrom penafian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam suasana krisis seperti hari ini, sewajarnya tidak wujud kelompok-kelompok yang 'menanggung di air keruh' atau kelompok-kelompok yang 'melukut di tepi gantang'. Di dalam situasi krisis seperti hari ini, tidak sepatutnya wujud kelompok-kelompok oportunist yang bertindak umpama 'pagar memakan padi'.

Atas hakikat ini, saya menyokong penuh pendirian Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia supaya kerajaan tidak sekali-kali bertolak-ansur dengan tuntutan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia yang baru-baru ini meminta supaya semua unit rumah di bawah kuota bumiputera yang kini tidak mampu dibeli oleh bumiputera, dijual kepada bukan bumiputera.

Tuntutan ini adalah tuntutan oportunis. Tuntutan yang dibuat di dalam suasana krisis ini tidak seharusnya dilayan. Sebaliknya, pihak kerajaan perlu bertindak segera untuk menjamin agar lot-lot rumah untuk bumiputera yang tidak terjual diletakkan di bawah amanah pelbagai agensi yang sewajarnya. Cara inilah sahaja akan membolehkan lot-lot tersebut dibeli oleh bumiputera sebaik sahaja negara ini terbebas dari krisis ekonomi kelak.

Pada masa yang sama, selain menyekat mana-mana tindakan oportunis, situasi krisis seperti sekarang juga tidak harus mengizinkan kemaraan atau kebangkitan golongan yang boleh melemahkan kerajaan atau golongan yang bertindak seolah-olah seperti 'sokong yang membawa rebah' atau 'gunting dalam lipatan'. maksudnya, janganlah diizinkan muncul golongan-golongan khianat, janganlah ada golongan dengki. Janganlah dalam krisis ini ada pihak-pihak yang bertindak gelabah sehinggakan 'dagang lalu ditanakkan; kera di hutan disusukan; anak dikandung mati kelaparan; ayam di kepuk mati kebuluran; itik di air mati kehausan'. Janganlah di dalam suasana krisis seperti hari ini, wujud kelompok-kelompok yang asyik terpesona dengan hakikat kononnya 'hujan emas di negeri orang adalah lebih baik' ataupun terpesona dengan ilusi megah sebutir 'kuman di seberang lautan'.

Sebaik-baiknya, di dalam situasi krisis seperti hari ini, segala aspek keputusan, kenyataan dan juga tindakan hendaklah dibuat secara cermat, tegas, pantas dan semata-mata untuk menangani krisis. Janganlah di dalam suasana krisis, ada pula kelompok yang cuba mengungkit-ungkitkan soal-soal akauntabiliti kerajaan kepada rakyat menerusi lunas-lunas ketelusan yang total, menerusi lunas-lunas demokrasi yang mutlak ataupun menerusi lunas-lunas keterbukaan yang seluas-luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak perlu faham dan semua pihak perlu insaf terhadap hakikat ini, iaitu sewaktu negara digugat krisis, janganlah kita bertindak dan berhujah menggunakan lataran suasana yang normal. Janganlah kita bertindak menggunakan hujah serta persepsi asing yang memang sentiasa disebarkan secara meluas menerusi penerbitan antarabangsa dengan niat supaya kepercayaan rakyat kepada kerajaan terhakis dan sekali gus Malaysia jadi huru-hara dan haru-biru.

Umpamanya, janganlah keengganan pihak kerajaan untuk sekali-sekala enggan berterus-terang di waktu krisis ini, ditafsirkan bahawa kerajaan sudah tidak lagi telus dan kerajaan sudah mula meremehkan akauntabilitinya terhadap rakyat jelata. Janganlah sesuatu tindakan yang dilakukan seolah-olahnya tergesa-gesa dan penuh kerahsiaan, ditafsirkan pula sebagai sesuatu perbuatan yang mengandungi 'udang di sebalik batu' ataupun melindungi udang di sebalik batu. Sebaliknya, di dalam sesuatu krisis seperti hari ini, semua pihak perlu mengizinkan kerajaan melaksanakan sesuatu tindakan dengan budi bicara dan 'wisdom'nya yang tersendiri. Dalam situasi krisis, janganlah soal-soal demokrasi dituntut secara rigid, secara melulu atau tanpa tolak-ansur serta tanpa budi bicara. Di dalam krisis, pertimbangan perlu dibuat secara jujur terhadap tahap ketelusan yang perlu wujud dan setakat manakah pula kerahsiaan perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, wajarlah jika semua pihak mengimbas kembali sekali lagi pandangan Fukuyama bahawa sifat saling mempercayai yang bertimbal-balas adalah kunci utama di dalam usaha mensejahterakan ekonomi sesuatu negara. Pandangan ini amat relevan dan telah pun teruji kebenarannya di waktu krisis kerana 'mutual trust' ini membabitkan komitmen, pengorbanan, 'faith' atau keyakinan, sikap optimis, penggantungan harapan yang total dan juga seluruh nilai-nilai hidup yang didasari semangat patriotisme dan nasionalisme.

Contoh pertama. Sewaktu krisis minyak pada awal 70an, Syarikat Daimler-Benz yang mengeluarkan kereta-kereta Mercedes Benz di Jerman telah mengalami kemerosotan jualan sehingga syarikat tersebut hampir-hampir muflis. Namun begitu, syarikat tersebut telah diselamatkan oleh Deutsche Bank yang memang telah lama meyakini kemampuan syarikat berkenaan untuk membuat keuntungan. Paksi kepada tindakan ini adalah keyakinan ataupun kepercayaan ataupun dengan izin, 'trust' yang mendasari sosiabiliti insan dalam aktiviti ekonomi.

Contoh kedua. Juga sewaktu krisis minyak di awal 70an, syarikat pengeluar kereta Mazda di Jepun telah mengalami kemerosotan jualan dan juga hampir-hampir jadi muflis. Syarikat ini tidak dibiarkan mati. Ia telah diselamatkan (bailed out) oleh Sumitomo Trust yang telah lama meyakini kemampuan syarikat terbabit di dalam membuat keuntungan di waktu-waktu biasa. Tindakan ini juga didorong oleh sifat saling mempercayai yang menjadi paksi konsep sosiabiliti insan di dalam arena ekonomi.

Contoh ketiga. Dalam tahun 1979, Chrysler, sebuah dari tiga syarikat pengeluar kereta terbesar di Amerika Syarikat, telah meminta bantuan kewangan dari kerajaannya. Dalam erti kata lain, menuntut supaya diberikan bail-out. Bantuan tersebut diperlukan untuk membolehkan syarikat berkenaan bersaing dengan pengeluar kereta di Jepun dan juga untuk menyelamatkan syarikat itu dari jadi muflis.

Usaha Chrysler dikecam oleh banyak pihak. Tetapi, usaha itu juga dipenuhi oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Ianya pasti dilakukan atas premis kebangsaan atau atas landasan nasionalisme Amerika Syarikat ataupun atas dasar American dreams, dengan izin, yang tidak mahu mengalah kepada Jepun. Ingatlah bahawa nasionalisme juga adalah satu dari ciri murni yang berpaksikan kepada sifat saling mempercayai ataupun 'mutual trust'.

Ketiga-tiga contoh di atas, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dikatakan seperti saya kata tadi sebagai usaha-usaha bail-out, dengan izin, ataupun usaha-usaha menyelamatkan sesuatu badan perniagaan di negara asing. Sudah pasti pihak-pihak yang melaksanakan usaha bail-out tersebut melaksanakannya dengan perkiraan yang bijaksana dan juga di atas sebab yang melangkaui motif untung dan rugi yang sempit. Usaha sedemikian dilakukan kerana semua pihak terbabit insaf bahawa syarikat-syarikat terbabit juga adalah sebahagian dari anggota sebuah komuniti atau masyarakat yang mempunyai mutual trust atau memiliki sifat saling mempercayai di antara satu sama lain, di samping bangga dengan keunggulan negara-bangsa yang sejahtera.

Hakikat ini saya huraikan secara agak panjang lebar demi menyedarkan golongan pengkritik di Malaysia hari ini yang berpendirian rigid dan enggan mengiktiraf hakikat bahawa hari ini negara kita sedang berada di dalam krisis. Hakikat ini juga saya huraikan demi maklumat kepada para pengkritik yang secara sembrono menghukum kononnya di dalam beberapa tindakannya baru-baru ini pihak Kerajaan Barisan Nasional telah pun bertindak kurang telus, kurang jujur dan mungkin seolah-olah saya katakan tadi menyelamatkan udang di sebalik batu.

Memang tiada siapa yang berhak untuk merubah pendirian serta pandangan rigid oleh kelompok-kelompok pengkritik seperti ini. Mereka boleh berkata apa sahaja atau menulis apa sahaja menurut cita rasa masing-masing. Namun begitu, mereka pasti insaf bahawa segala tindakan kerajaan adalah berorientasikan mandat majoriti. Pihak yang berpendirian serong dan rigid ini wajar juga digugahkan atau dibangunkan dari ulitan ilusi intelektual yang selama ini nampaknya telah melayangkan diri mereka ke alam awang-awangan yang jauh dari realiti, jauh dari hakikat dan jauh dari kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengesot kepada masalah media massa dan krisis. Di dalam negara ini media massa, baik media cetak atau media elektronik adalah sebahagian dari anggota masyarakat. Media massa di negara ini telah terbukti berpengaruh dan terbukti berperanan besar di dalam perjuangan memerdekakan negara. Media massa Malaysia juga terbukti berperanan besar di dalam pembangunan tanah air dari dahulu hinggalah sekarang. Pendek kata impact atau

impak media massa Malaysia ke atas politik, sosial dan ekonomi negara ada besar dan berkesan. Rakyat jelata amat menghargai perjuangan wartawan dan media massa di Malaysia. Penghargaan ini terus wujud dan digandingkan oleh harapan semoga media massa Malaysia akan terus memberikan komitmen positif di dalam proses pembinaan bangsa seterusnya.

Atas kesedaran ini dan dalam konteks krisis ekonomi hari ini, saya berpendapat bahawa media massa Malaysia perlu terus berperanan besar di dalam membantu kerajaan untuk memulih serta meningkatkan lagi keyakinan rakyat kepada kerajaan. Oleh itu, media massa negara ini perlu diberi garis panduan khusus di dalam menangani keadaan sekarang. Oleh itu, media massa tempatan perlulah dibawa berunding di dalam usaha mewujudkan satu strategi khusus mengenai pemberitaan dan pemediaan dalam konteks mengatasi krisis ekonomi negara. Proses perundingan ini bolehlah dilakukan menerusi penubuhan sebuah jawatankuasa *ad-hoc* mengenai media massa, perang saraf dan juga gerak saraf. Jawatankuasa ini boleh digabungkan sekiranya perlu di bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara yang kini mengendalikan kerja-kerja perang saraf dan gerak saraf di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini juga, saya merayu semoga Menteri Penerangan dan seorang wakil dari media massa tempatan juga diberi tempat dan diberi kerusi di Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Hari ini memang terdapat 20 anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara termasuk 9 orang menteri. Tetapi mungkin menerusi, sekali lagi 'wisdom'nya yang tersendiri Menteri Penerangan tidak diberi kerusi di dalam MTEN. Jadi, saya yakin para penganjur tertinggi negara akan mengambil kira pandangan ini. Dalam konteks media massa, tokoh-tokoh seperti Tan Sri A. Samad Ismail, Datuk Kadir Jassin, Datuk Nazri Abdullah, Datuk Johan Jaafar atau Senator Datuk Zainuddin Maidin dan lain-lain dari akhbar bahasa Cina dan Tamil perlu dipertimbangkan secara serius untuk menduduki kerusi wakil media di dalam MTEN.

Saya yakin usaha sebegini boleh mengelakkan penyiaran berita-berita yang mengandungi unsur-unsur negatif terhadap ketenteraman awam, terhadap perpaduan nasional ataupun yang boleh menjejaskan proses confidence building di negara ini. Saya mengemukakan cadangan ini dan pandangan ini semata-mata demi kepentingan negara. Saya juga menyatakan pandangan di atas kerana masyarakat media massa Malaysia juga mesti sama-sama terlibat di dalam usaha pembinaan keyakinan atau confidence building yang sedang dijalankan oleh kerajaan sekarang. Di dalam krisis janganlah ada pihak yang berkecuali atau dikecualikan di dalam krisis kepentingan nasional adalah lebih murni dari kepentingan kelompok, minat dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari soal media massa izinkan saya berpindah kepada soal multimedia. Banyak telah diperkatakan mengenai perkembangan industri multimedia dan aplikasi utamanya di Malaysia. Hakikat ini wujud berikutan penubuhan Koridor Raya Multimedia yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya amat berbangga dengan perkembangan ini. Ketegasan kerajaan untuk memajukan industri multimedia sungguh jelas dan nyata. Hakikat bahawa Panel Penasihat Antarabangsa kepada Koridor Raya Multimedia, iaitu satu-satunya panel yang berpengaruh dan penting telah bermesyuarat di Kuala Lumpur adalah bukti bahawa projek Koridor Raya Multimedia akan terus dilaksanakan walaupun negara berada di dalam krisis.

Kehadiran Bill Gates yang sudi berinteraksi dengan Jemaah Menteri Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini juga adalah bukti bahawa Kerajaan Malaysia tidak bersikap main-main di dalam usahanya menjayakan projek Koridor Raya Multimedia serta beberapa aplikasi utamanya. Namun begitu, banyak lagi aspek dan dampak kemajuan teknologi maklumat dan industri multimedia yang belum lagi diberi fokus dan belum lagi dikupas secara menyeluruh. Satu daripada aspek yang perlu dipantau atau dikesan ialah dampak teknologi maklumat kepada sistem politik dan amalan demokrasi di negara ini khususnya ataupun di seluruh dunia di masa-masa dan abad-abad mendatang kelak.

Aspek teknologi maklumat dalam politik di abad mendatang memang belum dipantau serta dikaji secara serius di Barat. Jika kini terdapat beberapa sorotan mengenainya ianya hanya merupakan bentuk-bentuk tulisan yang seimbab lalu. Contohnya, Don Tapscott dalam bukunya *The Digital Economy* pernah menyatakan bahawa lebuhraya maklumat kini mula mendatangkan implikasi kepada proses-proses demokrasi di Amerika Syarikat. Pengamatan ini dibuat berdasarkan beberapa kajian ringkas terhadap pilihan raya 1994 di negara berkenaan. Menurut Tapscott dalam pilihan raya tahun 1994 beberapa kelompok di Amerika Syarikat telah mula menggunakan Internet, E-mel serta lain-lain perkhidmatan komputer online untuk aktiviti-aktiviti kempen.

Pengguna Internet dan E-mel untuk matlamat politik ini adalah real, adalah nyata. Ia menjadikan pergerakan maklumat mengenai politik disebarkan dengan pantas dan cekap. Dewan yang mulia ini pun telah mula mengalami kesan dan impak teknologi maklumat terhadap politik. Contohnya, Ketua Pembangkang semalam telah memulakan mukadimah ucapannya dengan satu E-mel yang didakwa diterimanya dari Miri mengenai situasi jerebu yang serius di Sarawak. Hakikat bahawa E-mel itu dibacakan di Dewan yang mulia ini adalah bukti bahawa teknologi maklumat kini mula digunakan di Malaysia sebagai satu perkakas untuk mempengaruhi kerajaan di dalam proses membuat keputusan dan mengambil tindakan.

Pada waktu yang sama kini terdapat pelbagai homepage, dengan izin, sama ada secara bertanggungjawab atau tidak telah menyebarkan tulisan, pandangan serta kecaman orang-orang Malaysia terhadap politik Malaysia ataupun kecaman orang-orang Malaysia terhadap pemimpin politik Malaysia. Homepage bermotif politik ini semakin mercup dalam suasana krisis ekonomi sekarang. Pihak DAP tidak terkecuali kerana parti tersebut merupakan satu-satunya kumpulan yang aktif di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat kemajuan teknologi maklumat dan proses demokrasi di Malaysia hari ini. Hakikat ini mungkin masih di peringkat awalan. Tetapi adalah wajar jika ianya dipantau demi kesejahteraan politik tanah air di masa depan. Dalam pada itu, seorang lagi penulis, iaitu Lawrence Grossman, di dalam bukunya *The Electronic Republic* menyatakan bahawa satu sistem politik baru kini sedang memunculkan diri di Amerika Syarikat. Sistem tersebut dikenali secara popular sebagai republic electronic, iaitu satu sistem demokratik yang semakin luas digunakan untuk mempengaruhi keputusan-keputusan negara dari hari ke sehari.

Menurut Grossman, sistem politik elektronik ini telah dimungkinkan kewujudannya oleh teknologi maklumat. Sistem ini kelihatannya telah membolehkan kemunculan semula sistem demokrasi terus menerus ataupun, dengan izin, direct democracy. Biar pun sistem direct democracy ini tidak serupa dengan direct democracy atau Roman's type democracy di Rome kira-kira 2,500 tahun yang lalu, ianya seakan-akan serupa kerana di dalam konteks ini, iaitu dengan kewujudan teknologi maklumat rakyat Amerika Syarikat telah boleh mempengaruhi pembikinan sesuatu keputusan secara terus menerus dalam ruang waktu yang real, segera dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti ini menjadi hakikat kerana teknologi maklumat telah merobohkan sekatan-sekatan fizikal dan menghapuskan sebarang hirarki di dalam sesuatu organisasi. Dalam erti kata yang lain, teknologi maklumat dan multimedia telah memberikan kuasa mutlak dan direct kepada sesiapa sahaja yang boleh menguasai teknologi itu untuk bersuara, untuk bergerak, untuk bertindak secara virtual tetapi dengan pantas dan, dengan izin, in real-time.

Saya tidak berniat untuk menghuraikan perkembangan teknologi maklumat dan impaknya kepada politik ini secara lebih menyeluruh. Saya membangkitkan soal ini sekadar untuk mendaftarkan keprihatinan saya, dengan izin, to register my concern terhadap corak dan sistem politik Malaysia dan sistem politik global di masa akan datang. Saya juga membangkitkan soal ini dengan harapan moga-moga aspek demokrasi siber dan aspek republic electronic ini akan mendorong pihak-pihak berwajib di Malaysia untuk mengkajinya dengan lebih mendalam. Moga-moga ini

akan membolehkan generasi mendatang mengamalkan politik yang akan terus sihat dan positif biar pun sistem politiknya adalah ala-siber. Hakikat ini penting untuk didalami kerana seperti kata Tapscott di dalam bukunya *Growing Up Digital* satu generasi baru iaitu, dengan izin, the next generation, kini telah lahir ke dunia. Generasi ini istimewa dan generasi ini perlu dipupuk secara serius kerana mereka dilahirkan di era digital dan akan terus membesar dilatari perkembangan media yang digital.

Tapscott meramalkan bahawa generasi ini akan mendewasakan diri masing-masing dengan budaya baru yang akan mempengaruhi budaya ibu bapa masing-masing. Generasi ini pasti akan melahirkan persepsi serta sistem politik yang berbeza. Mereka akan wujud di mana-mana, mereka juga akan wujud di Malaysia. Sementara itu, Ester Dayson, dalam bukunya *Release 2.0* pula, memperkukuhkan lagi ramalan Tapscott seperti di atas. Menurut Dayson, era digital akan melahirkan generasi yang bebas, generasi yang mampu untuk mendapatkan pembelaan dari mana sahaja di seluruh dunia, generasi yang mampu untuk bebas mengumpul maklumat, generasi yang mampu dan bebas untuk melakukan segala apa yang disukainya. Kalau inilah hakikatnya, tindakan generasi ini perlu dicurigai pegangan politiknya. Generasi ini perlu dicurigai kekentalan dan corak nasionalismenya. Generasi ini perlu dikaji corak patriotismenya. Oleh kerana generasi ini generasi global, sementara Malaysia masih lagi memerlukan nasionalisme dan semangat kebangsaan sebagai teras kepada kemajuan di masa akan datang. Sewajarnya kelahiran generasi ini perlu ditangani dengan cermat dan terancang mulai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira sebulan yang lalu saya terbaca kenyataan seorang Timbalan Menteri di dalam akhbar tempatan. Beliau melahirkan rasa tidak puas hatinya kepada Astro. Hari ini giliran saya untuk membuka satu lagi cerita baru mengenai Astro di Dewan yang mulia ini. Disember lalu Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) dengan kerjasama Kementerian Penerangan telah melawat Astro di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kami telah diberi taklimat mengenai pelaburan berjuta-juta ringgit oleh syarikat terbabit untuk memperkasakan lagi perkhidmatan radio dan televisyen swasta di negara ini. Hakikat ini sungguh membanggakan dan amat dihargai. Apatah lagi apabila Astro adalah satu dari perkhidmatan yang dimungkinkan kewujudannya oleh teknologi maklumat hasil dari convergence di antara satelit, komputer dan televisyen.

Namun begitu, biar pun Astro merupakan satu kejayaan ataupun success story, dengan izin, di sektor teknologi maklumat, segala perisian ataupun dengan izin, content ataupun program yang disiarkan menerusi Astro mestilah diawasi sepanjang masa. Dalam hubungan ini, saya akan menjurus kepada satu perkara khusus yang disiarkan menerusi Saluran Satu Astro ataupun saluran yang dikenali sebagai AstroRia. Paling khusus lagi adalah mengenai sebuah drama berbahasa Melayu yang disiarkan setiap minggu di saluran AstroRia ini dari jam 10.00 hingga 11.00 malam pada setiap Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat. Malam ini ada peluang kalau hendak tengok jam 10.00 hingga 11.00.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, drama yang saya maksudkan berjudul *Idaman*. Menurut jangkaannya yang mengandungi 156 siri, malam tadi ditayangkan siri yang ke-36. Ini bermakna terdapat 118 siri lagi yang belum ditayangkan. Jika satu minggu ditayangkan lima siri, ini bermakna keseluruhan baki 118 siri tersebut akan hanya tamat tayangannya dalam kira-kira 24 minggu atau enam bulan dari sekarang. Sekali imbas drama ini memang menarik. Plotnya merangkumi komplot konspirasi khianat, pembelotan, rasuah, komitmen perjuangan, gosip dan kritikan sosial. Saya pasti siri ini telah pun mula mempunyai kelompok peminat dari kalangan rakyat dari semua peringkat umur dari segenap lapisan masyarakat. Ini diakui oleh pegawai publisiti Astro.

Bagaimanapun drama mengenai sebuah syarikat Butik Melayu yang diterbitkan oleh orang asing ini juga ditulis skripnya oleh penulis bukan Melayu. Memang tidak salah untuk seseorang bukan Melayu menulis skrip drama dalam bahasa Melayu. Juga tidak salah untuk mana-mana bukan Melayu sama ada orang asing atau

warganegara Malaysia untuk menjadi penerbit eksekutif sesebuah drama Melayu. Inilah bukti penguasaan bukan Melayu ke atas bahasa Melayu dan inilah bukti minat besar bukan Melayu terhadap drama Melayu.

Tetapi adalah salah besar apabila skrip drama Melayu yang mengisahkan perjalanan hidup sekelompok orang Melayu tidak menitikberatkan aspek-aspek agama Islam. Adalah salah besar jika drama berbahasa Melayu yang cuba memaparkan pencak silat di dalam dunia koporat Melayu tidak mementingkan aspek-aspek budaya Melayu. Adalah salah besar apabila sesebuah drama Melayu yang cuba memaparkan mentaliti serta gaya hidup sekelompok Melayu yang moden tetapi tidak langsung sensitif kepada aspek-aspek bahasa Melayu. Sebentar tadi saya katakan bahawa drama ini tidak langsung prihatin kepada soal agama Islam. Sekiranya penerbit dan penulis skripnya prihatin terhadap Islam, maka tidak akan wujud elemen-elemen kebuculan terhadap agama. Memanglah penerbit dan penulis skripnya bukan Islam. Tetapi tidakkah Astro mempunyai pakar rujuk mengenai Islam atau tidakkah Astro mempunyai satu garis panduan terhadap soal-soal agama di dalam drama.

Katakanlah Astro memang tidak mempunyai pakar di dalam hal ehwal Islam, bagaimana pula dengan Kementerian Penerangan. Tidakkah setiap program Astro dipantau oleh Kementerian Penerangan, tidakkah Astro diberi lesen oleh Kementerian Penerangan? Bagaimanakah sebuah drama berbahasa Melayu yang memaparkan kisah hidup orang Islam tidak memahami hukuman Islam. Contohnya, seorang watak utama dalam drama tersebut, iaitu seorang lelaki Islam dikatakan telah menzinahi seorang dari model utama di Butik Idaman yang juga beragama Islam. Sudahlah begitu, berdasarkan kepada dialog-dialog setiap penonton yang prihatin akan menyedari bahawa perzinaan tersebut telah menyebabkan pegawai terbabit hamil. Dialog serta hakikat pengandungan anak haram ini sentiasa diulang-ulang menerusi patah-patah dialog di setiap siri pada setiap malam.

Hakikat bahawa pargawati Islam yang berkenaan seolah-olah bangga mengandungkan anak di luar nikah, juga sentiasa digambarkan menerusi dialog di dalam drama bersiri ini. Lebih teruk lagi ialah apabila beberapa dialog dan babak tertentu memberi gambaran kepada penonton dan umum bahawa hakikat perzinaan dan hakikat pengandungan anak luar nikah itu seolah-olah diterima oleh majoriti anggota keluarga watak utama lelaki Islam terbabit sebagai satu cara hidup yang lumrah di kalangan masyarakat Islam. Saya hairan mengapa perkara ini boleh terjadi. Tidakkah terdapat mana-mana pihak di negara ini yang pernah mengikuti siri drama yang saya maksudkan ini. Tidakkah terdapat pihak yang sedar bahawa drama tersebut seolah-olah sedang menyebarkan atau seolah-olah sedang melakukan satu gerakan subversif yang memperkecil-kecilkan Islam. Tidakkah terdapat pihak yang sedar bahawa drama tersebut seolah-olah mempersendakan Islam? Adakah drama tersebut mahu menanam satu ciri hidup songsang di kalangan masyarakat Islam dengan memberi gambaran bahawa hubungan luar nikah antara lelaki dan perempuan Islam yang bukan muhrim adalah tidak salah di sisi Islam?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyatakan sebentar tadi bahawa penulis dan penerbit drama ini tidak sensitif terhadap soal bahasa, kerana setiap watak dalam drama bersiri ini sentiasa terus menerus menggunakan bahasa Melayu rojak. Ertinya, dalam setiap dialog dalam bahasa Melayu dalam drama tersebut akan terus digandingi atau diselang-selikan dengan dialog dalam bahasa Inggeris. Mengapakah perkara seperti ini juga boleh terjadi. Saya tertunggu-tunggu pihak yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan bahasa Melayu untuk bersuara, tetapi mereka mendiamkan diri. Saya tertunggu-tunggu Menteri Penerangan, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk menegur perkara ini. Mereka juga mendiamkan diri.

Dari sudut budaya drama ini juga perlu dikecam. Drama ini seolah-olah mahu mewujudkan counter culture ataupun budaya baru di kalangan orang Melayu. Drama tersebut mengisahkan perjalanan hidup satu keluarga Melayu yang sentiasa dendam-mendendam, dendam tok-ayah tanpa kesudahan. Contohnya, seorang ibu saudara sentiasa mendendami anak saudaranya. Seorang cucu saudara tergamak 'melabrak'.

Yang Berhormat dari Shah Alam tahu perkataan 'melabrak', bermakna secara hilang fikiran dia terus confront, dengan izin. Seorang cucu saudara tergamak melabrak, ini terminalogi Jawa, nenek saudaranya yang sedang diserang kanser semata-mata atas dorongan material. Ini bukan budaya Melayu. Orang sakit kita tidak akan melabrak, kita tidak akan berkonfrontasi dengan orang yang sakit.

Dalam drama tersebut dihidupkan watak-watak usahawan Melayu yang mata duitan, yang sentiasa berkomplot, yang sentiasa mencurigai orang sehingga watak anak, isteri, makcik serta anak saudara juga dihidupkan menerusi teori konspirasi. Inilah corak budaya Melayu akan datang atau inilah budaya ala-Dallas, budaya yang disuburkan oleh beberapa drama bersiri seperti *The Bold and The Beautiful* di Amerika Syarikat. Jika elemen-elemen yang saya huraikan ini merupakan elemen import dan elemen asing, mengapakah mereka diwarna-warnikan di dalam sebuah drama Melayu. Di manakah pendirian Kementerian Penerangan mengenai hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, mungkin terdapat banyak pihak akan bertanya siapakah Ruhanie untuk menyorot baik buruknya sesuatu drama secara berwibawa. Tidak mengapa, katalah apa sahaja. Profesion saya telah mendidik saya secara formal untuk membuat apresiasii drama, apresiasii filem, apresiasii drama pentas dan untuk membuat ulasan mengenainya, kerana profesion saya yang paling awal adalah kewartawanan.

Tetapi dalam konteks ini, saya dengan hormatnya memohon dan telah pun memohon Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat, sahabat saya seorang pakar bahasa untuk menilai drama ini dari sudut bahasanya. Nanti dia akan cakap sama ada rojak atau tidak rojak. Saya juga mempersilakan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menilai aspek ini. Saya juga mengundang pakar budaya serta sosialogi Malaysia untuk menganalisis aspek-aspek budaya di dalam drama ini. Kajilah dan berilah analisis yang berwibawa dalam konteks ini. Saya juga mengundang mana-mana Jabatan Agama Islam menilai aspek-aspek kejahilan tentang Islam yang terkandung di dalam drama ini. Berilah ulasan yang berwibawa dari sudut Islam.

Segala hasil kajian tersebut saya minta biar dari sudut bahasa, biar dari sudut agama, biar dari sudut budaya serahkan kepada Kementerian Penerangan. Saya harap majoriti rakyat Malaysia yang prihatin akan bersama-sama saya dalam hal ini. Marilah sama-sama kita merayu kepada Kementerian Penerangan tolonglah tangani hal ini secara tegas dan secara pantas. Let's be quick and let's be firm, dengan izin. Lakukanlah apa sahaja yang wajar dilakukan secara tulus dan ikhlas. Pihak terbabit pula perlu membuat usaha pembetulan secara segera. Jika enggan, Kementerian Penerangan perlu bertegas. Sekali lagi saya katakan perlu bertegas. Seharusnya memang tiada tolak-ansur terhadap soal agama, bahasa dan budaya yang cuba diwarnawarnikan dengan gambaran yang meleset lagi mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Penerangan dan Dewan yang mulia ini, sebahagian dari elemen-elemen pincang yang saya huraikan di atas kini telah juga mula muncul di dalam beberapa drama bahasa Melayu terbitan lain-lain stesen televisyen swasta di negara ini, khususnya masalah merojakkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Kita pasti akan dapat mengesan perkara-perkara ini, sekiranya Kementerian Penerangan lebih prihatin dan lebih fokus kepada program-program tempatan yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen swasta di negara ini.

Selain dari stesen-stesen televisyen, stesen-stesen radio swasta juga perlu dipantau pada setiap masa. Dalam hubungan ini, saya mengkalungkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Penerangan dan Menteri Penerangan, kerana baru-baru ini beliau menegur karenah tiga stesen radio swasta yang menyiarkan rancangan bahasa Melayu kurang dari 50% dan melanggar syarat-syarat perlesenannya. Hakikat ini telah diulas oleh *Utusan Malaysia*. Akhbar tersebut dukacita kerana stesen-stesen radio terbabit tidak mempunyai keyakinan kepada bahasa Melayu. Sebaliknya lebih 50% program radio-radio terbabit dalam bahasa Inggeris semata-mata untuk menarik para pengiklan yang kononnya mendewa-dewakan bahasa Inggeris dan memandang lekeh kepada bahasa Melayu.

Menurut Utusan Malaysia, Time Highway Radio (THR) hanya menyiarkan 25% programnya dalam bahasa Melayu. Radio Best 104 dari Johor Bahru menyiarkan 40% programnya dalam bahasa Melayu, dan Radio Redifussion menyiarkan 30% sahaja programnya dalam bahasa Melayu. Perangkaan ini adalah bukti bahawa stesen-stesen radio terbabit melanggar arahan kerajaan yang meminta 50% dari program mereka mestilah dalam bahasa Melayu.

Lebih dari itu, pelanggaran ini juga mencerminkan sikap sambil lewa stesen-stesen radio swasta ini dalam usaha masing-masing untuk mendaulatkan bahasa Melayu dalam dunia penyiaran tanah air. Saya berharap dan saya terus berharap semoga Menteri Penerangan yang saya kasihi, yang datangnya juga dari negeri Johor, yang dialek dan keturunannya pun sama dengan saya, 'wong Jawa', dengan izin, tidak sekadar menegur sahaja stesen-stesen radio yang terbabit. Mereka perlu dikenakan tindakan disiplin, mereka perlu ditanamkan dengan semangat cintakan bahasa Melayu, mereka perlu dituntut memenuhi kehendak-kehendak statutory yang termaktub di dalam syarat pelesenan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah dan saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menyuarakan perasaan hati saya di Dewan yang mulia ini. Sebagai penutup, marilah sekali lagi kita iktiraf bahawa negara kita sedang berada di dalam krisis. Biar pun kerajaan mampu menangani krisis ini secara berkesan, seluruh pihak di Malaysia perlu memabantu, perlu berkorban dan perlu terus memberikan kepercayaan masing-masing kepada kerajaan. Janganlah di zaman krisis kita mengizinkan diri kita didorong ke dalam usaha mencari scapegoat ataupun usaha mencari kambing hitam, khususnya dari kalangan politik dan pemimpin negara. Janganlah sewaktu dalam krisis, maka krisis itu mendorong sesetengah kalangan kita untuk membarakan kebangkitan, dengan izin, the tyranny of the majority. Krisis ini membabitkan semua pihak. Penyelesaian juga bergantung kepada semua pihak. Haruslah kita beringat kalau kita gagal mengatasi krisis ini, satu elemen penjajah baru, neokolonialisme mungkin akan hadir di kalangan kita. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kluang.

5.06 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang yang berbahagia ini. Masalah kegawatan ekonomi pada masa sekarang adalah satu cabaran sulit yang dihadapi seluruh rakyat negara kita. Walaupun seperti yang dinyatakan oleh Pengarah Urusan IMF, Malaysia mempunyai asas ekonomi kukuh dan tidak memerlukan suntikan badan dunia ini. Beliau berpendapat bahawa Malaysia patut mengambil langkah yang positif, menguatkan sistem perbankan dan memperlahankan pertumbuhan ekonomi, dan Malaysia tidaklah setenat Indonesia, Thailand ataupun Korea Selatan. Tetapi kesan buruknya dirasakan setiap rakyat jelata, kerana kejatuhan nilai Ringgit di pasaran antarabangsa pada jangka masa pendek nilai import akan melambung dan rakyat akan menghadapi masalah membeli barangan yang dahulunya mudah dan murah.

Dalam jangka waktu yang lebih panjang, barangan buatan Malaysia akan menjadi lebih murah dan eksport berlipat ganda akan menjadikan ekonomi kebal. Oleh yang demikian, semua lapisan rakyat harus memberikan sokongan dan mandat sepenuhnya kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah yang wajar demi mengatasi mata wang dan pasaran saham.

Sehubungan dengan ini, pihak-pihak yang berkuasa patut dipuji kerana setakat ini telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memulihkan ekonomi negara ini. Pada 24 Februari lepas sekali lagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengemukakan beberapa langkah dan strategi baru untuk menangani masalah

ekonomi, dan ini jelas membuktikan bahawa pemimpin kerajaan kita memang serius tentang masalah ekonomi yang kita hadapi pada hari ini.

Lebih penting lagi ialah negara kita hanya dapat mengharungi kegawatan ekonomi semasa dengan semangat kerjasama dan perpaduan dan juga dengan penuh rasa patriotisme oleh seluruh rakyat tanpa mengira kaum. Dalam konteks ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Senai pihak MCA telah pun merancang banyak program untuk memberikan penjelasan dan mewujudkan kesedaran khususnya di kalangan masyarakat Tionghua. Umpamanya, kempen beli barangan Malaysia, Perhimpunan Cintai Malaysia dan sebagainya. Saya merasa amat bangga apabila pemimpin MCA kebangsaan melancarkan kempen-kempen yang tersebut di atas di seluruh negara, rakyat jelata khususnya kaum Tionghua telah pun memberi sambutan yang begitu hangat dan memberi sokongan sepenuhnya terhadap kempen-kempen yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesan krisis mata wang serantau ini, institusi kewangan dan syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur telah mengemukakan rancangan untuk menyusun semula atau bergabung di antara satu dengan lain sebagai langkah mengatasi kesan buruk kegawatan ekonomi dan untuk menjaga kepentingan orang ramai khasnya pemegang saham minoriti seperti yang dikomited oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita baru-baru ini, maka kerajaan haruslah khususnya Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur harus memastikan supaya pemegang minoriti juga akan dijaga dan segala cadangan haruslah cukup transparent supaya cadangan pengambilan dan penggabungan itu haruslah diumumkan dan seperti yang dikatakan kalau kurang transparent atau melaksanakan secara tergesa-gesa hanya menjejaskan keyakinan para pelabur serta usaha mengatasi krisis kewangan.

Sebagai salah satu langkah untuk menolong menangani kegawatan ekonomi, pihak kerajaan telah menggalakkan rakyat menceburi diri dalam bidang pertanian. Sebenarnya, walaupun negara kita giat berusaha ke arah mencapai status negara industri yang maju seperti yang dicadangkan oleh Wawasan 2020, tetapi Wawasan 2020 juga menekankan pembinaan sebuah negara yang mempunyai pembangunan yang seimbang di semua bidang. Ini bermakna usaha juga harus diberikan kepada sektor pertanian supaya mengimbangkan pembangunan negara. Malaysia adalah sebuah negara yang amat bertuah kerana dikurniai sumber asli yang kaya. Marilah kita menggunakan sumber-sumber semula jadi ini untuk menjamin kekukuhan dan kebingkasan ekonomi negara kita untuk menghadapi krisis ataupun kegawatan seperti apa yang dialami kita pada masa sekarang. Kerajaan menggalakkan rakyat menanam sayur dan buah-buahan di kawasan lapang. Rancangan Buku Hijau juga dihidupkan semula dengan majikan ladang di seluruh negara diarahkan supaya menyediakan sekurang-kurangnya 250 meter persegi kawasan kepada setiap pekerja untuk tujuan tanaman khususnya sayur dan ternakan.

Langkah-langkah tersebut merupakan tindakan yang wajar. Akan tetapi, pihak-pihak tertentu harus mengkaji semula pendekatan ataupun sikap mereka yang agak cetek ataupun shortsightedness, dengan izin, tentang pembangunan sektor pertanian negara. Nampaknya sesetengah langkah yang dicadangkan hanya langkah sementara atau *ad hoc* sahaja. Sepertimana dimaklumkan ramai, satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan ialah negara sudah lama menanggung kos makanan import yang begitu besar sejak beberapa tahun yang lalu. Tetapi malangnya tiada langkah yang menyeluruh dan konkrit telah diambil untuk mengurangkan kos import makanan yang semakin meningkat ini. Cuma cadangan dan pandangan disebutkan kerana sektor pertanian bukan lagi satu sektor utama dalam agenda pembangunan negara. Peruntukan untuk pembangunan sektor pertanian kian dikurangkan.

Maka saya berharap pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertanian, walaupun ada rancangan diumumkan tetapi harus dipergiatkan lagi supaya semua hasrat kerajaan dapat menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Petanian harus mengadakan rancangan jangka panjang dan konkrit untuk mengurangkan import makanan dan Rancangan Buku Hijau merupakan satu konsep yang bijak dan berpandangan jauh. Ini harus dijadikan salah satu perkara utama dalam agenda pembangunan negara. Pihak kerajaan haruslah menyediakan satu Pelan Induk Pertanian untuk meningkatkan lagi pembangunan pertanian dan adalah dicadangkan juga bahawa pihak kerajaan khasnya kerajaan negeri mengambil langkah segera untuk menyediakan tanah terbiar dengan kadar sewa yang minimum kepada para petani dan mereka yang berminat dalam kegiatan pertanian untuk tanaman sayur-sayuran dan juga ternakan dan kepada pekebun kecil yang dahulunya memegang TOL tetapi tidak dapat menyambung ataupun membaharui TOL mereka, harus dipertimbangkan oleh pihak kerajaan negeri supaya 'lease'kan tanah itu kepada mereka dengan kadar yang rendah dan dengan cara ini bukan sahaja pekebun kecil dapat mencari rezeki bahkan kerajaan negeri mendapat hasil daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang pendatang tanpa izin. Negara bukan sahaja mesti berusaha menangani krisis kewangan semasa tetapi terpaksa menghadapi kesan sampingan krisis ini yang berpunca dari negara jiran khususnya kemasukan beribu-ribu pendatang tanpa izin ke negara kita. Sejak kebelakangan ini masalah ini sudah sampai ke tahap yang serius dan sangat membimbangkan. Kemasukan pendatang tanpa izin secara besar-besaran ini tetap menjejaskan sumber-sumber negara kita yang amat diperlukan untuk menangani kegawatan ekonomi semasa.

Walaupun kita sangat bersimpati dengan rakyat asing yang datang ke Malaysia untuk mencari rezeki, kita tidak boleh membiarkan kemasukan pendatang tanpa izin sehingga keselamatan dan kesejahteraan negara kita dan rakyat kita diancam dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak polis, Imigresen dan lain-lain agensi atas langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin dengan menghantar pulang mereka dengan cara yang cepat patutlah dipuji dan disokong.

Memandangkan masalah pendatang tanpa izin ini agak serius maka sumber-sumber pihak tertentu untuk mengatasi adalah terhad dan oleh itu setiap rakyat hendaklah memainkan peranan yang tertentu dalam membantu kerajaan mencegah kemasukan pendatang tanpa izin. Mungkin program Rukun Tetangga haruslah dipergiatkan lagi dan diperluaskan lagi supaya penduduk-penduduk setempat boleh bertindak sebagai mata dan telinga pihak berkuasa tentang kehadiran pendatang tanpa izin di kawasan masing-masing akan memudahkan pihak berkuasa mengesan pendatang tanpa izin di kawasan yang tertentu.

Selain daripada itu, tindakan tegas haruslah diteruskan terhadap mereka yang membawa masuk pendatang tanpa izin ataupun menolong mereka masuk ke negara kita serta mereka yang menggaji atau melindungi pendatang tanpa izin ini. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa mereka yang disabit salah kerana kesalahan berkaitan dengan pendatang tanpa izin termasuk membawa masuk pendatang tanpa izin, pemalsuan kad pengenalan dan sijil kelahiran dan sebagainya patutlah dikenakan hukuman yang lebih berat.

Mahkamah khas yang dicadangkan mungkin boleh diperluaskan bidang kuasanya supaya ia boleh membicarakan semua kes yang berkaitan dengan masalah pendatang tanpa izin dan bukan sahaja kes penghantaran pulang pendatang tanpa izin, cuma proses kehakiman dan penghantaran pulang yang lebih cepat serta berkesan adalah penting untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat yang datang dari negeri Johor, izinkan saya menyentuh tentang perkara mengenai Laluan Kedua Malaysia/Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan terhadap sistem lebuhraya dan jambatan menghubungkan Malaysia-Singapura untuk mengatasi bebanan yang ditanggung oleh

Tambak Johor mencetuskan idea untuk pembinaan Laluan Kedua bagi menghubungkan kedua-dua negara. Selepas melalui beberapa siri rundingan akhirnya kata sepakat dicapai untuk melaksanakan projek pembinaan Laluan Kedua. Sejak dilancarkan pada tahun 1996 pelbagai perkara diperkatakan mengenai laluan ini yang menghubungkan Tanjong Kupang di Johor dan Tuas di Singapura. Sama ada perkara yang diperkatakan ini negatif ataupun positif, pembinaan Laluan Kedua Malaysia-Singapura yang membabitkan RM1.3 bilion siap pada 9 Julai 1997.

Hasrat untuk membolehkan rakyat kedua-dua negara berulang-alik dengan lebih efisien yang dahulunya dianggap mimpi, kini menjadi realiti. Jam 10.00 pagi 2 Januari 1998 telah terpahat dalam lipatan sejarah dan membuka lembaran baru kepada sejarah perhubungan antara Malaysia dan Singapura. Apabila Laluan Kedua dibuka secara rasmi untuk kegunaan pengguna. Tujuan Laluan Kedua Malaysia-Singapura sebenarnya membawa pelbagai rahmat kepada kedua-dua negara baik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Pembinaan Laluan Kedua juga dijangka mampu mengatasi masalah yang disifatkan paling ketara dan rumit iaitu kesesakan di Tambak Johor. Ia berupaya menampung 200,000 kenderaan sehari berbanding 20,000 kenderaan sehari di Tambak Johor. Laluan Kedua sudah pasti mengatasi masalah kesesakan utama pada hujung minggu dan cuti am dan Johor dijangka menikmati kesan langsung paling maksimum apabila beberapa projek besar dijalankan sebaik sahaja pembinaan Laluan Kedua dilaksanakan khususnya pembinaan pelabuhan kedua di Tanjong Pelepas.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha ini ditanya-tanyakan oleh rakyat kerana mereka berfikir hasrat dan harapan kerajaan tidak akan tercapai sekiranya masih banyak aduan dan bantahan yang diterima mengadu dan melahirkan rasa tidak puas hati dengan kadar ataupun caj yang dikenakan. Mereka menyifatkan terlalu membebankan dan tidak berpatutan. Sebagai contoh, kalau sebuah kereta masuk ke Singapura melalui Tanjong Kupang dikenakan RM1.80 dan RM4.80 menggunakan jambatan dan setelah lepas Malaysia masuk ke Singapura dikenakan S\$2.50 dan saya sudah kira kalau pergi dan balik dari Malaysia ke Singapura dan Singapura ke Malaysia lebih kurang dikenakan RM23.20 dan bagi van kecil ataupun lori kecil lebih kurang kena RM54. Untuk lori besar pula akan kena lebih kurang RM108.

Baru-baru ini Pan Malaysia Lorry Owner Association telah mengatakan sebelum 17 Mac tahun ini, 50% antara 1,500 lori menggunakan Laluan Kedua ini tetapi selepas 17 Mac iaitu apabila caj itu dikenakan, 90% kenderaan pakai balik melalui Tambak Johor dan saya sangat-sangat berharap dan juga ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak kerajaan supaya dapat menimbang semula kadar bayaran yang dikenakan serta mencari satu jalan seperti dari segi tempoh konsesi ataupun lain-lain cara supaya dapat mengatasi perjanjian yang ditandatangani antara konsortium dengan kerajaan supaya ianya tidak membebankan pengguna dan agar cita-cita kerajaan untuk mewujudkan keadaan yang lebih selesa akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Indah Water Konsortium (IWK). Walaupun ini bukan cerita yang baru, merupakan satu cerita yang lama tetapi di negeri Johor ia merupakan satu perkara yang baru sebab baru-baru ini bil-bil telah dihantar ke negeri Johor untuk mengutip caj IWK dan dua hari yang dahulu Pengerusi Eksekutif Prime Utility Berhad telah mengatakan bahawa pihak IWK akan belanja lebih kurang RM10 bilion pada masa 28 tahun dan beliau berasa amat kesal kerana sampai hari ini cuma 30% pelanggan membayar bil, tunggakan lebih kurang RM192 juta sejak 1 Januari 1997 dan IWK akan mengambil tindakan undang-undang mengikut Seksyen 11 dan 12 Akta Pembetungan.

Dalam artikel itu, beliau menyebut mereka akan saman Tan Sri, Dato' dan sebagainya dan antaranya ada mengatakan bahawa termasuk ahli politik yang tidak memberi kerjasama kerana hendak mendapat populariti. Jadi, saya rasa kesal kerana atas tuduhan yang mengatakan ahli politik, mungkin dia menyebut Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri.

Saya ingin sentuh tentang perkara ini dengan niat yang baik iaitu pihak Indah Water Konsortium yang baru-baru ini mengeluarkan notis caj bayaran di negeri Johor khususnya di kawasan saya iaitu kawasan Kluang, saya telah pun menerima banyak aduan dan berjumpa dengan banyak pihak termasuk persatuan perniagaan Tionghua, Melayu dan sebagainya, jadi dalam kajian kami bayaran yang dikenakan bagi kedai-kedai di bandar Kluang dikenakan caj RM70 sebulan dan kedai-kedai yang terletak lebih jauh sedikit dari bandar RM45 sebulan dan kedai-kedai di kampung baru dikenakan RM25. Para pengguna merasa tidak puas hati tentang caj yang dikenakan:-

- (i) sebab IWK belum lagi membina apa-apa loji pembersihan ataupun treatment plant di daerah Kluang; dan
- (ii) mereka kurang yakin IWK sanggup memberi perkhidmatan yang sempurna iaitu menjalankan kerja-kerja menyedut sekali dalam tempoh dua tahun.

Saya ingin mengambil kesempatan ini memberitahu pihak yang berkenaan supaya apabila hendak mengenakan caj di sesuatu kawasan patutlah IWK mengadakan satu pengumuman sama ada treatment plant ini telah pun dibina dan yang kedua, memberi keyakinan kepada orang ramai supaya perkhidmatan yang diberi akan memberi satu cara yang memuaskan kepada pihak pengguna di kawasan tertentu dan selepas itu, caj yang dikenakan itu janganlah jauh lebih daripada pembayaran assessment ataupun bayaran itu memang tidak akan membebankan pengguna di kawasan yang tertentu ini.

Jadi, saya tidak ingin menyebut panjang lebar tentang perkara ini, cuma saya ingin mengingatkan kepada pihak IWK khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di mana mereka menyuarakan perkara ini bukannya hendak mendapat prioriti ataupun publisiti tetapi untuk menyuarakan pendapat rakyat kepada pihak kerajaan dan juga pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir, baru-baru ini saya telah pun menerima aduan daripada pihak Sekolah Chong Hwa High School di Kluang. Lembaga Pengurus Sekolah Chong Hwa High School berjumpa saya tentang perkara yang mengenakan cukai pendapatan. Baru-baru ini mereka telah memohon pengecualian cukai pendapatan di bawah Perenggan 13 Jadual VI Akta Cukai Pendapatan 1967. Tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menolak permohonan mereka dan mungkin ia akan mengenakan cukai pendapatan. Saya dalam perjumpaan tertentu, telah membaca surat penolakan itu dan di akhir surat itu memang ada tertulis 'Bersama Menyumbang Untuk Pembangunan Negara' dan saya ingin merayu kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tentang perkara ini kerana Sekolah Chong Hwa High School ini ditubuhkan untuk memberi pendidikan kepada generasi muda dan tiada mempunyai sebarang keuntungan.

Jadi, saya sangatlah berharap supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat menimbang semula atas permintaan mereka kerana 'Bersama Menyumbang Untuk Pembangunan Negara' ini Sekolah Chong Hwa High School ini pun juga bersama-sama menyumbang untuk pendidikan generasi muda kita untuk pembangunan negara.

Jadi, saya sangat berharap Kementerian Kewangan juga dapat membantu supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tidak akan mengenakan cukai pendapatan kepada semua sekolah ataupun semua high school di seluruh negara kita ini.

Jadi, itu sahajalah beberapa perkara yang dapat saya sampaikan dalam pada petang ini dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Segambut.

5.30 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya mengulas tentang negara kita Malaysia. Negara kita menikmati kestabilan politik yang tidak dilihat di negara-negara tertentu. Barisan Nasional telah memberi kita kestabilan ini selama 40 tahun dan saya pasti ia akan terus memberi kestabilan ini kepada rakyat Malaysia bagi tempoh jangka panjang.

Kestabilan ini penting bagi kebaikan rakyat dan kekayaan ekonomi negara kita. Pada setakat yang tertentu kita menikmati harmoni bangsa dan agama yang rakyat nyata mengharap akan pasti berlaku. Pertumbuhan negara kita dimudahkan oleh kewujudan infrastruktur yang baik. Kita mempunyai sistem lebuhraya yang baik termasuk Lebuhraya Utara-Selatan yang merentang Semenanjung Malaysia sepanjang 840 kilometer. Kita mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang sangat baik, sistem-sistem telekomunikasi berdasarkan satelit dan jaringan-jaringan bimbit digital. Dahulu seorang asing memberitahu saya bahawa kekurangan tenaga dan elektrik akan menjadi masalah seluruh Asia bagi tempoh 30 tahun atau lebih. Bagaimanapun ia menyatakan bahawa Malaysia khususnya tidak akan mengalami masalah ini oleh kerana kita mempunyai pengeluar tenaga bebas yang akan memastikan bekalan tenaga dan elektrik yang mencukupi bagi tempoh 30 tahun di Malaysia. Walaupun begitu, negara kita mempunyai masalah-masalah sendiri untuk diatasi.

Yang pertamanya ialah pembocoran kertas peperiksaan. Saya merujuk khasnya kepada pemeriksaan SPM. Pembocoran kertas peperiksaan bukanlah fenomena baru, ia berlaku setiap tahun sehingga rakyat tidak menaruh kepercayaan kepada sistem peperiksaan awam kita. Menurut beberapa sumber yang boleh dipercayai, tahun lalu soalan-soalan peperiksaan SPM senang didapati di dalam Internet. Menurut sumber-sumber tersebut, bukan sahaja soalan-soalan yang telah dijual malah jawapan-jawapan standard telah dijual bagi harga seunit. Satu sumber juga memberitahu saya bahawa penjual-penjual soalan tersebut menjual di dalam kantin sebuah sekolah di Brickfield di Kuala Lumpur pada waktu rehat di antara peperiksaan bagi subjek-subjek tertentu.

Mereka menjual kertas soalan bagi subjek peperiksaan pada hari esoknya. Soalan saya ingin tanyakan kerajaan di dalam isu ini ialah kenapa sindrom penafian apabila pembocoran peperiksaan itu disiarkan di dalam media cetak lalu Kementerian Pendidikan dengan pantas dan tanpa syarat menafikannya. Tetapi pada keesokan harinya polis menahan 18 orang berhubung dengan pembocoran itu.

Saya percaya Kementerian Pendidikan pasti boleh menguruskan perkara ini dengan lebih baik. Saya ingin mengingatkan kementerian itu bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh diberi peruntukan yang terbesar di antara kementerian-kementerian iaitu RM10 bilion. Dengan peruntukan sebesar itu sedikit wang boleh dibelanjakan untuk mencipta sistem bagi memastikan bahawa pembocoran kertas peperiksaan langsung tidak berlaku.

Saya ingin memberi cadangan kepada kementerian bagi penyelesaian yang mudah bagi memberhentikan pembocoran kertas peperiksaan. Pertamanya pastikan supaya setiap sekolah menengah mempunyai kemudahan bagi menerima mel elektronik. Kedua, sediakan kertas peperiksaan dan pastikan supaya dirahsiakan. Ketiga, pada pagi peperiksaan itu pegawai-pegawai dari kementerian boleh menghantarkan kertas peperiksaan melalui mel elektronik kepada setiap sekolah menggunakan tandatangan digital supaya setiap sekolah boleh mengenal soalan-soalan yang tidak palsu.

Selepas itu setiap sekolah mesti menghantar utusan melalui mel elektronik bagi mengesahkan penerimaan soalan-soalan tersebut sekali lagi dengan menggunakan tandatangan-tandatangan digital supaya kementerian boleh memeriksa sama ada benar atau tidak penerima soalan-soalan tersebut adalah sekolah-sekolah tersebut.

Akhirnya pegawai-pegawai di setiap sekolah mesti mencetak soalan-soalan peperiksaan itu yang dapat dibuat dengan cepat, dengan pencetak-pencetak laju. Pencetak-pencetak itu boleh dibeli daripada kedai komputer yang baik. Di dalam

peristiwa itu tiga orang guru telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya berpendapat bahawa mereka mesti ditahan dan kemudian dihantar ke pusat pemulihan Pulau Jerejak bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

Ini kerana ibu bapa Malaysia marah kerana terdapat ketidakadilan di dalam sistem pendidikan kita. Seperti seorang ibu bapa yang duduk di dalam kawasan saya berkata: "Anak saya jujur, belajar sangat kuat untuk peperiksaannya, tetapi anak jiran saya tidak perlu berbuat begitu kerana anaknya sudah pun membeli soalan-soalan peperiksaan." Saya percaya guru-guru tersebut mesti dirota oleh kerana melakukan jenayah ini iaitu menimbulkan curiga terhadap ketelusan dan taraf sistem pendidikan kita iaitu sistem yang akan mengasuh pemimpin-pemimpin kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah komen tentang second link atau Prolink Development Sendirian Berhad. Projek penswastaan ini diberikan kepada United Engineers Malaysia Berhad, lebih kurang 27,000 ekar tanah iaitu 1/5 saiz Singapura diperolehi secara wajib bagi projek ini.

Pada masa itu rakyat termasuk saya tertanya-tanya mengapa 27,000 ekar tanah mesti diperolehi untuk membangunkan perhubungan kedua itu. Sebenarnya hanya sebahagian yang kecil 27,000 ekar itu dibangunkan secara langsung bagi perhubungan kedua ini dengan infrastruktur yang relevan.

Saya juga tertanya-tanya berapa banyak pampasan yang telah dibayar bagi tanah yang diperolehi secara wajib itu. Apabila saya mendapat tahu tentang jumlah pampasan itu, saya terkejut sebab pampasan yang diberi kepada tuan-tuan punya tanah yang terjejas berkisar antara 80 sen bagi setiap kaki persegi bagi tanah yang tidak berapa baik dan RM2.50 bagi setiap kaki persegi bagi tanah yang berada di tempat yang baik.

Memberi lebih kurang RM1.60 secara purata, tuan-tuan punya yang terjejas terdiri daripada tuan-tuan punya kebun kecil yang mempunyai tanah seluas lima hingga sepuluh ekar kepada estet-estet yang besar yang mempunyai beribu-ribu ekar. Kebanyakan dari mereka yang terjejas adalah ladang-ladang dan kebun buah-buahan. Tuntutan bagi kehilangan perniagaan disebabkan oleh penempatan semula yang terjadi oleh kerana rayuan telah ditolak oleh mahkamah.

Dalam kebanyakan kes Prolink Development Sendirian Berhad membantah jumlah pampasan yang diberi kepada tuan punya tanah berdasarkan kepada penyeliaan oleh jabatan penyeliaan kerajaan. Menurut Akta Perolehan Tanah jika pihak berkuasa yang memperolehi tanah yang relevan membantah pemberian pampasan, sejumlah 25% daripada jumlah yang diberikan akan ditahan sehingga isu terakhir mengenai pampasan itu diselesaikan oleh mahkamah selepas rayuan oleh tuan punya tanah bagi pampasan yang lebih tinggi. Walaupun begitu, faedah sebanyak 8% setiap tahun mesti dibayar di atas jumlah 25% yang ditahan.

Selepas memperolehi tanah itu, Prolink Development Sendirian Berhad yang merupakan syarikat yang menerima hak-hak projek tersebut daripada UEM membahagi lagi sebahagian besar daripada tanah itu kepada bidang-bidang tanah seluas 200 hingga 500 ekar membangunkan infrastruktur asas seperti jalan raya dan kemudiannya menjual bidang-bidang tanah tersebut pada harga RM10 sampai RM15 bagi setiap kaki persegi. Saya ulang sekali lagi, harga RM10 hingga RM15 bagi setiap kaki persegi hanya selepas dua tahun. Ini memang pelik memandangkan bahawa ia telah membantah kepada pemberian yang awal berjumlah 80 sen hingga RM2.50 bagi setiap kaki persegi oleh kerana ia terlalu tinggi. Sekarang kebanyakan bahagian tanah yang diperolehi itu terdapat bandar-bandar kecil yang bermega dan sofistikated seperti Taman Bukit Indah dan Bukit Nusa Jaya yang dikatakan bandar yang terbesar di Malaysia.

Walau bagaimanapun, beberapa tahun selepas pembantahan awal Prolink Development Sendirian Berhad mengenai pampasan, tuan punya tanah yang asal tidak diberi balik jumlah pokok 25% pampasan yang ditahan dan juga faedah tambahan

sebanyak 5% setiap tahun. Suatu anggaran keuntungan Prolink di dalam menjual bahagian-bahagian tanah yang diperolehi termasuk manfaat komersial yang dikaut bagi membangunkan beberapa bahagian kepada tanah itu sendiri adalah bukan kurang daripada RM5 bilion.

Menurut kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu yang dipaparkan dalam *New Straits Times* pada 2 Januari 1998, Malaysia membangunkan bahagian tambaknya pada kos RM1.2 bilion. Tambahan pula harga infrastruktur lain seperti Kompleks Kastam dan Imigresen dan perumahan bagi pekerja-pekerjanya dibangunkan ialah RM600 juta. Ini bermakna Prolink masih ditinggalkan dengan nilai yang boleh menghasilkan sebanyak RM3 bilion. Kebanyakan kemarahan beribu-ribu tuan punya tanah yang asal itu yang mesti mengalami hinaan yang dua kali ganda iaitu melihat tanah mereka diperolehi secara paksaan yang kemudiannya dijual pada harga beberapa kali ganda harga pampasan yang mereka terima dan juga dipaksa membayar tol mengikut kadar yang dicadangkan.

Adalah dikatakan bahawa tol sebanyak RM1 jika dikutip bagi penyelenggaraan jalan tambak yang kedua dan lebuh rayanya adalah terlalu murah hati. Walaupun begitu pada masa kini di mana negara berusaha mencapai kesederhanaan dan juga mengalami kegawatan ekonomi, kenyataan bahawa pihak-pihak yang tertentu telah diberi, dengan izin, sebuah cash count, sambil merugikan rakyat merupakan keberanian yang patut diper'debate'kan dengan panjang lebar. Bolehkah Prolink mengaut keuntungan yang terlalu tinggi tanpa dipaksa memberi penjelasan tentangnya yang kemudian diberikan, dengan izin, sebagai cash count. Kadar tol tersebut amat mengemparkan sehingga ia menimbulkan bantahan keras daripada rakyat. Oleh kerana itu, kerajaan telah menangguhkan pengenaan tol supaya caj yang baru boleh ditentukan.

Pada pendapat saya, kita boleh membuat tiga keputusan daripada pelaksanaan projek ini:-

- (i) Kementerian Kerja Raya tidak menjalankan penyelidikan yang teliti sebelum membuat keputusan mengenai kadar tol bagi Tambak II itu;
- (ii) kerana Prolink telah mendapat keuntungan yang tidak munasabah daripada pelaksanaan projek ini melalui urusan tanah, mereka mesti dibenarkan mengutip caj tol yang minimum;
- (iii) tol yang terlalu tinggi mungkin dilihat oleh jiran Asean kita iaitu Singapura sebagai aksi yang tidak mesra dan pada masa penting ini di mana ekonomi kita tidak sihat, kita perlukan pertolongan jiran kita bagi melabur di dalam negara kita, sama ada mereka dari negara Jepun atau Amerika ataupun dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Izinkan saya mengulas tentang kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Oleh kerana kegawatan ekonomi di rantau ini, beberapa penswastaan ditangguhkan, beberapa projek lain telah pun hilang kemudahan kewangan oleh mereka kerana bank-bank di Malaysia menghadapi kekurangan kredit, oleh kerana ini, projek-projek infrastruktur yang ditangguh di Kuala Lumpur termasuk projek monorel masih menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Ini kerana satu atau dua lorong pada beberapa jalan raya di Kuala Lumpur ditutup disebabkan oleh tapak pembinaan bagi projek-projek itu. Hampir setiap jalan raya yang penting di Kuala Lumpur digali dan dikorek. Pada pendapat saya, terdapat rancangan yang tidak sesuai dan kekurangan penyeliaan oleh pihak-pihak yang berkuasa terhadap pihak-pihak konsesi yang melaksanakan projek-projek itu.

Kesesakan lalu lintas yang teruk disebabkan oleh tapak pembinaan yang terbengkalai berlaku di jalan raya seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Sultan Ismail, Jalan Imbi, Jalan Tun Razak, Jalan Bangsar, Jalan Ampang dan lain-lain. Rakyat Kuala Lumpur merayu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kerja Raya dan pihak-pihak konsesi yang berkenaan supaya cuba dengan sedaya upaya untuk mempercepatkan pembersihan tapak-tapak pembinaan ataupun mengurangkan kesesakan lalu lintas itu kerana sekarang sistem pengurusan trafik Kuala Lumpur berada dalam keadaan kucar-kacir.

Baru-baru ini pihak-pihak berkuasa menukar sistem pengurusan trafik di pusat bandaraya. Sekarang kebanyakan jalan-jalanraya di pusat bandaraya adalah jalan sehalu. Cubaan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas ini di Kuala Lumpur adalah baik tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mewujudkan lintasan-lintasan yang mencukupi bagi orang-orang yang berjalan kaki. Saya percaya orang-orang tersebut mengambil risiko yang tidak perlu bagi melintas jalan raya disebabkan oleh kesilapan pihak-pihak berkuasa yang tidak mewujudkan lintasan-lintasan semasa ia menukar sistem pengurusan trafik.

Lagi satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula baru-baru ini terdapat rancangan untuk mewujudkan, dengan izin, Airconditioned Walkway di Kuala Lumpur. Rancangan itu menyatakan bahawa tol akan dikenakan ke atas setiap orang yang berjalan kaki yang menggunakan walkway yang tersebut. Pada pendapat saya, orang-orang yang berjalan kaki di Kuala Lumpur memerlukan bumbung untuk melindungi mereka daripada hujan semasa mereka berjalan di dalam bandar. Tambahan pula, cadangan bahawa setiap orang pejalan kaki mesti membayar tol untuk menggunakan walkway tersebut adalah menggelikan.

Saya merayu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Unit Perancang Ekonomi, jangan buat bandar Kuala Lumpur sebagai bahan 'ejekan' diperolok-olokkan oleh kesemua bandar di dunia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat apa 'ejekan' itu? Ejekan.....ejekan.

Dr. Tan Kee Kwong: ejekan.....ejekan. Adakah kita mahu rancangan yang tidak munasabah ini menjadi kepala berita di dalam CNN atau CNBC? Pada pendapat saya, kita tidak perlu menimbangkan idea ini. Dengan komen-komen ini saya sokong sepenuhnya, langkah-langkah kerajaan kita untuk ekonomi lembab dan saya harap kita sokong dengan kuat langkah-langkah dan idea-idea Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

5.52 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Seri Paduka ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara, pertama sekali saya merasa terkejutlah di bawah pemerintahan Barisan Nasional orang berjalan kakipun kena tol tak lama lagi. Ini satu rekod yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia, yang selama ini telahpun mencipta rekod-rekod iaitu ketupat yang terbesar dalam dunia, bendera yang terbesar dalam dunia, bangunan tertinggi dalam dunia, kemalangan yang tertinggi dalam dunia, panas yang tertinggi dalam dunia. Jadi, kita dapatlah rekod-rekod itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kami akui beberapa kelemahan, kritikan-kritikan Kerajaan Pusat terutama sekali terhadap pentadbiran negeri Kelantan dalam menyelenggarakan masalah air kira-kira tiga empat tahun yang dulu. Tetapi, sekarang ini kita lihat masalah air ini berlaku begitu teruk di Malaysia sekarang. Terutama sekali kerajaan kita yang mempunyai berbagai pakar yang merancang di peringkat Jabatan Perdana Menteri, yang merancang di peringkat JKR, yang merancang di peringkat bandaraya. Kita tidak tahu apa yang mereka rancang yang menyebabkan sekarang ini kita lihat masalah air begitu ketara sekali.

Bukit Belachan yang terletak di Ampang sekarang ini, menjadi tempat tumpuan orang ramai di Kuala Lumpur untuk pergi mandi-manda dan membasuh di waktu petang, termasuklah mereka yang mempunyai kereta Mercedes, BMW, kereta-kereta mewah, mereka walaupun hidup mewah terpaksa ke sungai sekarang. Saya harap tempayan-tempayan di Parit Sulong itu boleh dipindahkan ke Kuala Lumpur sekarang kerana orang Kuala Lumpur memerlukan tempayan untuk takungan air.

Masalah ini serius, sehingga kedai kopi mana yang kita pergi, mereka berpesan kepada saya, "Yang Berhormat dalam Parlimen jangan lupa bercakap hal air". Walaupun dalam masalah sekarang, masalah ekonomi yang paling ketara, harga barang naik begitu mendadak, tetapi mereka berpesan untuk kita bercakap hal air. Inilah yang melanda negara kita sekarang, sehingga ada ura-ura kerajaan untuk isytihar darurat air di Malaysia sekarang.

Negeri Khatulistiwa yang hujannya begitu lebat, menghadapi masalah air yang membimbangkan sekarang ini. Kita harap pihak kerajaan mengambil langkah-langkah perlu. Di tempat-tempat lain kita lihat telah ada umat Islam membuat himpunan-himpunan untuk bersembahyang hajat memohon Allah menurunkan hujan kerana masalah air ini melanda hampir seluruh negara sekarang, yang paling teruk di Wilayah Persekutuan, Lembah Kelang dan juga di Kedah itu sendiri. Kita lihat bekalan air, keadaan air sekarang ini begitu teruk. Langkah-langkah perlu diambil segera, terutama sekali sekarang ini sungai-sungai yang berada di negara kita bukanlah sungai-sungai yang selamat digunakan seperti tahun 50an, 60an kerana kebanyakan sungai-sungai tercemar, bahkan air kadangkalanya tercemar seperti di Pulau Pinang, di mana di dapati air minum bercampur dengan minyak diesel telah pun digunakan oleh orang-orang Pulau Pinang.

Jadi, perkara ini perkara serius, kita harap pihak pemerintah, pihak kerajaan mengambil satu daya ikhtiar yang serius dalam menghadapi masalah air ini sebab kalau elektrik terpadam dua, tiga hari orang boleh hidup, air tidak ada dua, tiga hari kita akan menghadapi masalah yang cukup berat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sentuh juga ialah masalah kedaulatan Malaysia. Malaysia sebuah negeri yang berdaulat, bila kita mencapai kemerdekaan, Perlembagaan yang diterimapakai tempat rakyat berlindung di bawah negara ini dan Perlembagaan yang terpakai itu diterima oleh semua rakyat. Rakyat dilindungi menurut kedaulatan undang-undang. Selelah mana manusia itu di Malaysia, ia dilindungi oleh undang-undang. Walaupun seseorang itu datang daripada Tanah Jawa, datang daripada negeri China, datang daripada Thailand, datang daripada India, bila mereka menjadi rakyat, memegang kad pengenalan biru, mereka adalah rakyat Malaysia, segala hak yang dijamin dalam Perlembagaan mereka boleh menikmatinya melainkan jika Perlembagaan itu dipinda.

Saya melihat kebelakangan ini, kedaulatan Malaysia tidak dipertahankan, misalnya apabila kerajaan negara jiran, Thailand, memohon orang-orang yang dikehendaki, sedangkan mereka itu kad pengenalan biru, rakyat Malaysia, dengan mudah sahaja kerajaan kita menyerahkan rakyat Malaysia kepada kerajaan negara jiran. Di mana kedaulatan Malaysia, sebahagian daripada mereka yang telah menjadi pensyarah di sini telah menjadi rakyat Malaysia berbelas tahun terpaksa melarikan diri ke Sweden, untuk menyelamatkan diri kerana mereka akan ditangkap oleh pihak keselamatan di sini, kononnya akan dihantar ke negara jiran.

Saya persoalan di sini, di mana kedaulatan negara kita? Kita lihat Iran boleh menjatuhkan hukuman bunuh kepada Salman Rushdee, mengikut fatwa yang dilulus yang terdapat dalam agama Islam yang diputuskan oleh Imam Khomeini, tetapi Britain tidak menyerahkan Salman Rushdee begitu mudah kerana Salman Rushdee walaupun berasal daripada India, ia adalah rakyat Britain, rakyat England. Mereka sanggup memutuskan hubungan bahkan rugi berbilion-bilion ringgit tidak berniaga dengan Iran semata-mata mempertahankan kedaulatan rakyat mereka.

Tetapi tidak di Malaysia, bila orang berkehendakkan seseorang itu, terus kita bekerjasama dan menghantar mereka, tanpa kita menilai dari sudut kedaulatan negara kita ini. Kita bimbang satu hari misalnya, bila Singapura pula hendak Ketua Pembangkang kita, kita hantar juga ke sana, ataupun negara mana hendak saya, kita hantar pula ke sana. Di mana kedaulatan negara, sedangkan pemegang kad pengenalan biru, mereka adalah rakyat, mereka wajib dilindungi di bawah Perlembagaan Malaysia.

Saya lihat kebelakangan ini, terutama di bawah Perdana Menteri yang ada sekarang, kedaulatan ini begitu loose sekali, tidak tegas seperti di zaman tiga Perdana Menteri yang dahulu. Memang sentiasa ada orang yang keluar daripada Malaysia untuk menjadi rakyat negara lain. Ada juga orang yang datang untuk menjadi rakyat negara ini. Tetapi bila mereka memegang kad pengenalan biru, mereka rakyat Malaysia, mereka perlu dipertahankan. Orang-orang Pattani yang duduk di sini yang menjadi rakyat di sini, sekarang berada dalam keadaan ketakutan. Walaupun mereka telah menjadi rakyat 10 atau 15 tahun, mereka boleh diancam oleh pihak keselamatan untuk ditangkap dan dihantar balik kepada kerajaan jiran. Kononnya mereka dibicarakan, akan dijel semata-mata kerana mereka kononnya menjalankan pengkhianatan ataupun membuat sabotaj-sabotaj di selatan tanah air.

Saya tidak persoalkan kerajaan di sana minta, tetapi bagi saya di sini ialah soal kedaulatan Malaysia, soal mempertahankan rakyat hendaklah menjadi agenda. Kalau tidak, kerajaan Malaysia tidak dihormati oleh negara-negara jiran dan kita boleh diperkotak-katikkan oleh mereka bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah kita lihat sekarang ini, masalah pendatang yang begitu meruncing sekali, menceroboh negara kita. Langkah-langkah yang di ambil oleh pihak Polis Keselamatan khususnya, kita alu-alukan. Memang keadaan di Indonesia sekarang begitu getir sekali dan kita tahu inflasi di sana, dibiarkan di dalam akhbar kita sehingga 200%, harga barang melambung naik. Mereka di sana bukan soal untuk hidup dengan mewah tetapi mereka hendak mencari makan setiap hari. Membeli makanan kadang-kadang tidak ada. Oleh itu Malaysia di antara negara menjadi sasaran mereka untuk datang ke sini.

Langkah pihak keselamatan memperketatkan kawalan sempadan, dialu-alukan. Langkah kerajaan menangkap tekong-tekong dan patut didakwa di mahkamah, tetapi mereka ini diISakan. Langkah pihak keselamatan memperketatkan keselamatan sempadan, kita amat alu-alukan. Kemudian sebahagian daripada mereka yang masuk secara haram, akan dihantar balik, tetapi janganlah kerajaan mengambil kesempatan menghantar balik termasuk mereka yang status pelarian politik terutama daripada Aceh yang cuba meminta perlindungan politik dan mereka biasa menceroboh atau cuba masuk bangunan United Nation (UNHCR) untuk meminta perlindungan politik.

Ada di antara mereka yang di tahan di kem-kem tahanan, di Juru, Semenyih dan sebagainya. Mereka yang bertaraf perlindungan politik atau memohon perlindungan politik, kita harap kerajaan jangan sekaligus mereka dengan pendatang-pendatang yang masuk secara haram untuk mencari makan atau mencari rezeki di sini. Janganlah langkah-langkah menghalau pendatang haram itu, kerajaan mengambil kesempatan menghantar mereka di antaranya pelarian politik daripada Aceh. Pagi ini, kita diberitahu bahawa pelarian-pelarian Aceh yang meminta perlindungan politik, mereka tidak mahu balik dan mereka sanggup mengambil sikap untuk mati dalam kem. Ini satu langkah yang drastik yang diambil oleh mereka, kerana mereka tahu bila mereka balik, hal-hal politik mereka tidak selamat di negara jiran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan kerajaan, terutama pihak keselamatan mempertingkatkan usaha mereka untuk menjaga keselamatan di Malaysia ini. Saya mendengar maklumat bahawa kumpulan Gerila Tamil Ilam sekarang ini kononnya dalam berita luar negeri menjadikan Malaysia sebagai tapak mereka. Bahkan ada lori-lori sekarang ini diletakkan gambar kepala harimau, menandakan mereka itu kumpulan penyokong Gerila Tamil Ilam.

Kita bimbang perkara-perkara ini, kalau tidak jaga di peringkat awal, boleh mencetuskan suasana yang tidak sihat terutama orang-orang Islam yang terasa sekarang ini seolah-olah wujud satu suasana gangsterism dikalangan puak tertentu yang kita juga dapat mengesan atau diberitahu iaitu kumpulan-kumpulan yang menyokong Gerila Tamil Ilam mula bergerak dan mendapat sokongan daripada pihak sini. Kita harap pihak keselamatan, KDN mempertingkatkan kerja-kerja keselamatan mereka, sebab Malaysia yang aman damai ini kita tidak mahu menjadi satu perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat Kementerian Dalam Negeri menumpukan baru-baru ini, untuk menangkap mereka yang dituduh yang terlibat dalam kegiatan syiah dan sekarang tujuh orang ditahan di Kem Kemunting. Bila saya membaca tuduhan yang dikenakan kepada tujuh orang tersebut, tak ada satu pun disebut mereka ini menyebarkan ajaran syiah. Perkataan syiah tidak ada dituduh kepada mereka itu. Oleh itu kalau mereka tidak dituduh dengan ajaran syiah sedangkan mereka ditangkap di atas alasan itu, kenapa mereka terus ditahan? Kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri bolehlah membebaskan mereka sekarang ini setelah tuduhan syiah tidak dikenakan kepada mereka secara hitam putih, mereka yang berada di Kem Kemunting sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan negara terutama sekali dalam suasana ekonomi sedemikian rupa, masalah murtad yang kita tahu umat Islam amat sensitif perkara ini. Kita harap pihak kerajaan menanganinya dengan baik sebab kalau tidak ditangani dengan baik, kita bimbang rakyat akan bertindak mengikut kehendak mereka sendiri maka keadaan pada waktu itu kita bimbang tidak dapat dikawal. Sensitiviti ini perlu dijaga dengan baik sebab kita lihat di Pulau Pinang telah berlaku tunjuk perasaan dan counter tunjuk perasaan antara puak-puak, antara kaum dan sebagainya. Ini memberi bahaya dan pihak kerajaan pula hendaklah menangani dalam masalah isu murtad dengan melihat sensitiviti umat Islam secara mendalam. Sebab kita tahu, peristiwa Natrah yang melanda sebelum merdeka itu, kalau tidak dikawal, kita tidak mahu peristiwa-peristiwa seperti itu berlaku dan boleh membawa negara kita dalam keadaan yang tidak aman.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, walaupun pihak kerajaan mempertingkatkan kerja-kerja mereka untuk mengawal keselamatan, seperti biasa kegunaan ISA secara yang begitu banyak sekarang ini, tidak juga kami bersetuju. Dan sekarang ini kita lihat, misalnya, kegunaan ISA tidak dapat menyelesaikan masalah jenayah yang berlaku yang meningkat begitu banyak. Amat memalukan bila didedahkan oleh pihak Polis, penangkapan berlaku, kad pengenalan ataupun passport palsu didapati dibuat bukan di Gua Musang, di hulu, bukan di Hulu Jeli, tetapi dibuat di depan pejabat Imigresen atau di bawah pejabat Imigresen.

Yang kita tidak tahu, sudah berapa jumlah yang teredar di Malaysia sekarang kad pengenalan palsu dan passport palsu? Ini kita nampak bahawa keselamatan negara kita begitu rapuh apabila passport palsu, kad pengenalan palsu boleh didapati dengan mudah. Ada wang kita boleh dapat segala-galanya sekarang ini. Malu bila kita membaca berita bahawa passport palsu dibuat di hadapan pejabat Imigresen. Tahun lepas, ditangkap dibuat di Brickfield, di mana kita tahu kawasan-kawasan ini, polis berkeliaran. Bahkan kita pergi ke mana sahaja ada pasukan keselamatan tetapi di tempat-tempat seperti itu, kita lihat kerja-kerja jahat ini dilakukan. Adakah dapat didedahkan secara umum kerana mereka yang terlibat itu ditahan di bawah ISA?

Entah berapa ratus sekarang ini mereka berada di Kem Kemunting, mereka yang terlibat dalam sedikit passport palsu dan kad pengenalan palsu. Ciri-ciri inilah yang membahayakan kepada keselamatan Malaysia. Bukan soal pembangkang bercakap kasar dan sebagainya tapi ini lebih merbahaya yang kita lihat kerajaan perlu memberi tumpuan.

BPR walaupun telah ada peruntukan yang begitu hebat kepada mereka kami macam dahulu juga, kuasa pendakwaan masih lagi tidak ada kepada mereka menyebabkan kadang-kadang BPR ini kerja mereka mengumpul fail, bukan boleh

bertindak, sehingga ada pegawai BPR ketika memberi taklimat kepada pegawai-pegawai kerajaan di Negeri Perlis, ada di antara mereka menyatakan kami telah buat kerja.

Ada seorang Menteri Kabinet, bekas Ketua Menteri Melaka, kami ada bukti yang cukup sehingga melebihi 90% untuk mendakwa mereka, tetapi bila fail itu sampai ke atas, sampai sekarang mereka tidak didakwa. Ini menandakan pegawai BPR itu telah menunjukkan ada kekecewaan. Iaitu mereka bekerja menyiasat, mengumpul fail. Itu saja kerja mereka, tetapi walaupun mereka kata ada bukti sehingga peringkat 90% tetapi pendakwaan bukan berada di tangan kami. Ini cakap-cakap kekecewaan pegawai-pegawai BPR yang kita lihat menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh, dan saya ucap tahniah. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ketua BPR kebelakangan ini terutama beliau sedang menyiasat rasuah yang melibatkan pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin politik yang berjumlah RM80 juta, iaitu kalau rasuah RM80 juta bayangkan pihak yang memberi rasuah itu berapa bilion akan diperolehi keuntungan.

Bila undang-undang boleh dibeli dengan wang bila rasuah berjalan kita luluslah undang-undang apa dalam Parlimen ia tidak memberi kesan sama sekali kepada negara, kepada masyarakat. Buatlah undang-undang seketat mana, bila ianya boleh dibeli, selalunya kaum modal (orang kaya) itu akan membolos segala jaring undang-undang. Perkara ini perlu diambil serius. Janganlah bila ada negara luar atau badan antarabangsa mengkritik kita hanya melemparkan balik mereka cemburu terhadap kemajuan Malaysia. Ini selalu kata-kata yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri. Bila ada kritikan terhadap Malaysia, dikatakan mereka itu cemburu terhadap kemajuan Malaysia, tanpa melihat kritikan itu adakah cemburu ataupun genuine iaitu asli, iaitu melihat apa yang berlaku di Malaysia sekarang, iaitu soal kedaulatan undang-undang, kepentingan undang-undang, rasuah itu memang benar-benar berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita lihat di sudut pembangunan di negara kita, kita telah melihat tiga kali belanjawan satu belanjawan besar dua kali belanjawan kecil dikemukakan oleh Menteri Kewangan dalam masa tak sampai empat bulan ini. Ini tidak lain Yang di-Pertua, melihat kegawatan ekonomi yang berlaku di negara kita sekarang ini. Menteri Kewangan pun sekarang bercakap alhamdulillah baik sikitlah, kalau dulu dia bercakap ini penuh dengan idram ma'al ghunnah, idgham bilal ghunnah - nun mati bertemu dengan ro'k. Kita rre..... bahkan Kerajaan Negeri Kelantan, tapi sekarang dia tak cakap lagilah kerana ekonomi 8% yang dinikmati itu sekarang turun kepada 2% hingga 3%.

Walaupun masa mewah dahulu teguran-teguran daripada pembangkang kadangkalanya dianggap sebagai mereka yang tidak berkuasa, tidak boleh berkuasa maka dianggap itu hanya mainan dalam Parlimen atau di luar Parlimen, hanya sekarang ini barulah kita lihat barangkali mereka insaf, di masa susah. Janganlah insaf di masa susah, dengan kerjasama semua rakyat bila senang nanti maka lupa balik dan kita bermegah balik dengan kemewahan yang ada. Kita menegur masalah pembahagian saham dahulu di Parlimen ini, bagaimana menteri membahagikan saham kepada menantu, anak menteri yang lain, adik ipar, anak Perdana Menteri. Teguran kita tidak diambil tahu langsung, tapi sekarang bila saham sudah lebih murah daripada teh ais, barulah ditawarkan kepada orang kampung supaya jual gelang, jual segala apa yang ada untuk membeli saham. Masa saham mewah tidak pun disuruh orang kampung juallah gelang untuk membeli saham. Masa itu dibolot kepada menantu kepada anak menteri, adik menteri, kawan dan rakan. Kita bukan pulang paku buah keras tapi inilah tabiat manusia sudah terhantuk baru terngadah.

Inflasi pula dijangka meningkat sehingga 7%. Perkembangan ekonomi 2% hingga 3% saya bersetuju, tetapi inflasi 7% satu kadar yang sukar kita percayai. Bila kita pergi ke mana-mana sekarang ke kedai, terutama barang makanan harian, beras entah naik berapa kali dalam masa dua tiga bulan ini, gula, tepung dan lain-lain lagi angka yang diberi 7% ini saya ragu, saya sendiri meletakkan barangkali inflasi sekarang 10% hingga 20%. Dan ini juga dipersetujui oleh persatuan-persatuan

pengguna sam ada Persatuan Pengguna Pulau Pinang atau persatuan pengguna yang lain. Kenaikan harga barang begitu mendadak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita lihat keadaan negara kita ekonominya makin hari semakin teruk walaupun dikatakan lepas pertengahan tahun depan ekonomi akan pulih. Ramalan ini telah dibuat dalam Belanjawan ataupun ucapan bulan Oktober dulu iaitu ekonomi akan pulih di sekitar bulan dua atau bulan tiga ternyata ianya tidak pulih. Walaupun Menteri Kewangan membentangkan kali ketiga, keyakinan orang ramai tetap tidak ada, hari yang dibentangkan itu hari Selasa saham terus jatuh dan sampai hari ini tak pulih-pulih. Ini kerana kita lihat jaminan-jaminan yang diberi tidak menjamin di sudut ketelusan dan percakapan rakyat, majalah-majalah asing semakin hari semakin hebat, terutama sekali khazanah negara dipergunakan dengan begitu senang. Misalnya Petronas adalah khazanah negara, wang untuk negara wang untuk rakyat, tetapi Petronas selalunya diguna untuk menyelamatkan kesilapan pemerintah. Dulu digunakan Petronas menyelamatkan Dayabumi, Petronas digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumi. Kemudian kita dikejutkan lagi Petronas mungkin digunakan untuk menyelamatkan konsortium perkapalan. Jadi khazanah negara yang sepatutnya membina kekuatan ekonomi tetapi digunakan untuk menutup kesilapan-kesilapan perancangan, penyelewengan yang dibuat golongan tertentu.

Perkara inilah yang dilihat oleh orang ramai, terutama para peniaga untuk melabur modal mereka, begitulah juga kebelakangan ini wang EPF kita yang terlibat, yang ada wang EPF merasa cemas bila kita lihat, hari ini dikeluarkan lagi berita dalam akhbar, iaitu wang EPF digunakan untuk suntik lagi dalam PERWAJA yang telah tenat, sedangkan dulu janji bahawa PERWAJA di bawah pentadbiran baru akan berusaha berjalan sendiri tidak memerlukan sutikan. Sekarang digunakan lagi EPF untuk menyuntik dalam PERWAJA.

Berita hari ini mengejutkan, saya yakin seluruh pekerja dan orang yang memerhati keadaan politik, tiba-tiba berita ini keluar hari ini wang EPF disuntik dalam PERWAJA, kemudian EPF juga dikatakan akan terlibat dalam PLUS dan kita tahu PLUS ada dengan UEM dan sebagainya. Dan Parlimen ini membincangkan bagaimana pembelian saham UEM dan sebagainya. Lagi kita merasa cemas begitulah juga Petronas dikatakan terlibat dengan Rashid Hussein dan sebagainya lagi rakyat merasa cemas. Jadi bagaimana kita hendak pulih ekonomi kalau setiap kali pengumuman ataupun setiap kali tersiar berita dalam akhbar rakyat akan merasa cemas. Begitulah juga Bank Negara, kita lihat katanya pula hendak menyelamatkan Bank Bumi, Sime Bank dan sebagainya. Semuanya ini menyebabkan rakyat berada dalam keadaan yang cemas sekarang ini.

Walaupun Perdana Menteri dan Timbalan, mereka adalah bukan dari parti kami, tapi mereka adalah Perdana Menteri kami, Timbalan Perdana Menteri kami. Saya harap sungguh-sungguh kedua-dua orang ini bila bercakap biarlah senada, sebab orang ramai peringkat bawahan pun sudah boleh perhati. Hal dalam UMNO, itu hal dalam UMNO kami pun ada hal dalam PAS, biasalah. Tapi sebagai Perdana Menteri dan Timbalan mengeluarkan kenyataan ini mesti kena jaga. Dahulu misalnya Perdana Menteri menyebut, iaitu kita akan teruskan projek 11 bilion di Langkawi, besok Timbalan Perdana Menteri kata kita tak akan teruskan projek itu. Jadi bukan kata orang Malaysia, orang asing pun bertanya siapa yang berkuasa sekarang. Begitulah juga bila Perdana Menteri menyatakan kita boleh benarkan ekuiti hingga 50% orang asing, Timbalan Perdana Menteri kita kata, tidak setakat 30% dan banyak perkara-perkara yang lain lagi. Kalau setakat Ketua Bahagian itu tak apa, tapi menteri, Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri kena jaga. Bila kenyataan mereka itu senada, terutama suasana seperti ini. Ini bercanggah sangat, yang ini kata begini yang ini kata begini. Ekuiti bumiputera akan dijual untuk memulihkan ekonomi, besok Timbalan Perdana Menteri kata belum tentu, kita akan kaji dulu. Jadi siapa rakyat hendak percaya.

Jadi masalah ini saya harap bukan masalah UMNO, ini masalah negara sebab itu Perdana Menteri dengan Timbalan dan menteri-menteri dalam suasana seperti ini

mesti mengeluarkan kenyataan yang senada walaupun bahasanya lain-lain maksudnya sama. Ini sekarang bahasanya lain maksudnya pun lain. Yang seorang kata, terus projek 11 bilion yang Timbalan Perdana Menteri kata, kita tidak izinkan lagi projek mewah. Jadi orang ekonomi membaca, rakyat membaca, ini bila orang mengatakan ada kelam kabut, maka tuan-tuan sekalian tak boleh menafikan. Hari Selasa, Perdana Menteri menyatakan dia dihalau beberapa kali daripada Kabinet bila membincangkan hal anaknya, gunalah perkataan yang lain. Dihalau daripada Kabinet ini teruk. Kita bimbang, bukan halau dari Kabinet nanti dihalau terus. Ini yang guna perkataan walaupun dalam Parlimen tapi disiarkan oleh media antarabangsa. Sebab itu saya kata, kalau MP biasa, pembangkang terutama sekali bercakap lain sedikit itu tak apa, tapi Perdana Menteri dan Timbalan jaga, sebab ini walaupun buruk

Beberapa Ahli : boo...!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: ... saya faham maksud orang yang boo...itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu misalnya perolok-olokan berlaku di mana-mana. Misalnya, mereka mengatakan Perdana Menteri yang pertama, Tuanku Abdul Rahman -Bapa Pembangunan, Bapa Kemerdekaan. Allahyarham Tun Abdul Razak - Bapa Pembangunan, Tun Hussein Onn - Bapa Perpaduan. Orang kata Dr. Mahathir bapa Mirzan. Ini joke among korporat, yang kita dengar di hotel-hotel sekarang ini dan kita harap joke-joke itu hentikanlah kalau tidak lebih buruk keadaan ekonomi akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan ini penting. Kita lihat Thailand yang lebih parah daripada kita mulai pulih iaitu Perdana Menterinya Chua Leekpai. Bila naik sahaja menjadi Perdana Menteri, mula-mula dia mencadangkan pengisytiharan harta iaitu semua menteri kabinet kena isytihar harta kepada rakyat dan rakyat kita lihat mula yakin dengan Chua Leekpai dan kita lihat ekonomi mereka mula pulih sekarang ini.

Berbagai pengisytiharaan telah dibuat, tetapi hal ketelusan masih belum lagi dilihat. Inilah yang perlu dilihat secara serius, soal ketelusan ini, kalau kita mahu melihat negara Malaysia dihormati, ekonomi kita akan pulih, kerjasama semua pihak akan diberi sekarang dan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap sungguh-sungguh perkara ini diselesaikan dengan elok. Saya kata tadi, soal Perdana Menteri dengan Timbalan, tambahan pula kita sekarang menghadapi masalah hendak Sukan Komanwel, kemudian masalah jerebu yang mungkin datang semula. Masalah rakyat Miri yang telah kecewa seolah-olah mereka mengatakan kami tidak ada kerajaan yang memerintah di Sarawak sekarang. Masalah rakyat Sabah yang sedang kecewa, pilihan raya akan berlaku di Sabah dan keadaan yang berlaku, cakap-cakap yang berlainan Perdana Menteri dan Timbalan.

Semua ini memanggil ketidakpercayaan orang awam, orang ramai kepada keadaan yang berlaku di Malaysia menyebabkan ekonomi kita sukar untuk pulih. Oleh kerana saya tidak menyambung ucapan pada hari Isnin, kerana saya hendak ke Mekah esok. Maka, saya setakat ini dahulu, minta kawan sambung dan dia dapat sambung pada hari Isnin. Minta Kepongla.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ini kuasa Kerusi Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Yeong Chee Wah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Batu Gajah.

6.25ptg.

Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk membahaskan beberapa perkara pada sesi kali ini. Dan juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong atas perhatian serta nasihat Baginda kepada rakyat jelata semasa negara menghadapi situasi kegawatan ekonomi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya negara kita pernah mencapai pembangunan ekonomi yang begitu baik iaitu pada kadar 8% setahun dan kadar inflasinya berada di bawah paras 4% setahun. Namun sejak Julai tahun lalu, pasaran saham negara telah jatuh disebabkan serangan mata wang asing menyebabkan nilai Ringgit turut jatuh. Pada akhir tahun 1997, nilai Ringgit Malaysia meningkat sedikit dari RM2.5 kepada RM4.5 berbanding Dolar Amerika.

Di bawah naungan Parti Barisan Nasional serta pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kadar yang turun naik tersebut telah berjaya dikekalkan kepada RM3.5 berbanding Dolar Amerika pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kegawatan ekonomi para pemimpin negara ini telah mencuba sedaya upaya bagi meningkatkan semula keadaan ekonomi negara. 18% daripada perbelanjaan kerajaan telah dipotong termasuk pemotongan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri. Ini telah berjaya menjimatkan kerajaan sebanyak RM11.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah menggalakkan rakyat membeli barangan Malaysia dalam 'Kempen Cintai Malaysia'. Kempen ini juga sebagai satu usaha untuk menggalakkan rakyat menyimpan wang di dalam bank-bank tempatan, melancong di dalam negeri dan belajar di dalam negeri. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk menyelamatkan pertukaran wang asing negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya berharap rakyat dapat mengikuti nasihat yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan bekerjasama dalam menangani kegawatan ekonomi negara pada masa kini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung Isnin depan.

Tuan Yeong Chee Wah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.